# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 25 BILANGAN 32 | RABU 6HB OGOS, 1980. | رابو 24 رمضان 1400 | PERCHUMA


# سلامت هاري راي عيد الفطر

## QARIAH BRUNEI MENYANDANG NAIB JOHAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Brunei sekali lagi menchapai kejayaan dalam Musabaqah Membacha Al-Kor'an Perengkat Antarabangsa yang telah di-adakan di-Kuala Lumpur pada minggu lalu.

Kejayaan Brunei itu di-perolehi melalui Dayang Hajjah Masni bte Abdi Manaf yang telah menjadi naib-johan dalam bahagian qariah. Dayang Hajjah Masni yang telah mewakili negeri ini ka-pertandingan tersebut sa-lama empat kali telah berjaya mendapat 84.5 markah.



DY. HAJJAH MASNI

Johan qariah dalam pertandingan tahun ini telah di-menangi oleh peserta dari Indonesia, Maria Ulfa binte Haji Mudhafar manakala tempat ketiga di-menangi oleh peserta dari Singapura, Dayang Hajjah Kamsiah.

Ini ada-lah kejayaan kali ke-empat bagi peserta Brunei sejak negeri ini menyertai pertandingan yang di-anjorkan oleh Kerajaan Malaysia itu.

Awang Haji Mashud bin Haji Awang Damit telah berjaya menjadi johan qari dalam pertandingan itu pada tahun 1977 dan tempat ketiga dalam tahun 1973, sementara Dayang Hajjah Siti Ara bte Haji Idris mendapat tempat ketiga dalam bahagian qariah pada tahun 1978.

Dalam bahagian qari, wakil kita pada tahun ini, Awang Haji Mohd Yusof bin Haji Abu Bakar telah berjaya mendapat tempat ke-enam dari 21 orang peserta yang mengambil bahagian.

Satu sambutan yang meriah telah di-berikan kapada qari dan qariah itu sa-kembali mereka dari Kuala Lumpur tengah hari semalam.

### Manis-nya Iman

SA-ORANG lelaki bertanya kapada Nabi (s.a.w.): "Ibu saya meninggal dunia sa-chara mengejut, dan saya kira kalau-lah dia sempat berchakap tentu dia bersedekah. Maka ada-kah dia akan mendapat pahala kalau saya bersedekah bagi pehak-nya?" Baginda (s.a.w.) menjawab: "Ya!"—HADITH Nabi riwayat Bukhari dan Muslim dari 'Aishah (r.a.)

## Menaikkan harga barang:

# YANG BERSALAH BOLEH DI-DENDA $5 RIBU

BANDAR SERI BEGAWAN. — Peniaga2, khas-nya pekedai2 di-negeri ini di-ingatkan bahawa tindakan tegas akan di-ambil terhadap mereka yang di-dapati bersalah dengan menaikkan harga2 barang yang di-kawal dengan sa-suka hati.

Pehak Pelaksana Perentah Kawalan Harga memberi amaran keras yang tindakan segera akan di-ambil tanpa sebarang keraguan jika ada yang melanggar peratoran2 yang telah di-tetapkan dan mesti di-patohi.

Di-bawah Perentah Kawalan Harga Dharurat, 1974, sebarang orang yang melakukan kesalahan terhadap perentah ini boleh kena denda yang tidak melebehi lima ribu ringgit atau hukuman penjara yang tidak melebehi dua tahun atau kedua2-nya sekali. Dalam perkara kesalahan yang kedua atau kesalahan yang berikutan boleh kena denda yang tidak melebehi dua puloh ribu ringgit atau hukuman penjara bagi tempoh yang tidak melebehi lima tahun atau kedua2-nya sekali.

Mahkamah juga boleh membuat perentah bagi menahan dari menjalankan perniagaan dalam tempoh2 yang di-tentukan-nya. Jika pesalah engkar mematohi perentah ini boleh di-denda sa-hingga dua puloh ribu ringgit atau penjara tidak melebehi lima tahun atau kedua2-nya sekali.

## Berbelanja pada yg perlu saja

BANDAR SERI BEGAWAN. — Orang ramai di-nasehatkan supaya berbelanja hanya bagi perkara2 yang benar2 perlu sahaja. Penggunaan wang harus di-lakukan dengan bijaksana dan mengelakkan penchurahan terhadap perkara2 yang tidak penting.

Mereka juga di-nasehatkan supaya tidak gopoh-gapah, sebalek-nya menggunakan pertimbangan2 yang teliti jika hendak membeli barang2 dan tidak akan mudah terperangkap kapada tarekan2 iklan jualan.

Mereka di-ingatkan supaya tidak akan mudah terpengaroh untok memileki barang2 yang mahal sedangkan kegunaan-nya tidak sa-berapa.

Demikian harapan pehak Pengawal Harga bagi mengelakkan pengguna2 di-negeri ini dari terus-menerus mengalami tekanan hidup akibat inflasi dengan kenaikan harga2 barang.

Untok menahan kenaikan harga barang2 yang sa-patut-nya tidak harus berlaku itu, pehak Pengawal Harga tidak saja bertindak sendiri, tetapi yang penting ia-lah peranan di-pehak pengguna atau pembeli2.

Para pengguna harus menyedari bahawa mereka boleh menjadi sa-bahagian dari sebab2 inflasi dengan mengujudkan permintaan tinggi yang tidak mustahak ka-atas barang2 dan perkhidmatan dengan sikap berbelanja dengan membazir yang di-durong oleh salah pemahaman terhadap chara mengelak inflasi saperti "membeli sekarang sa-belum harga-nya semakin meningkat."

Berikutan dengan seruan Yang Amat Berhormat Menteri Besar tentang penggunaan wang2 yang akan di-terima dari kenaikan gaji saperti bayaran kebelakangan dan bonus, pehak Pengawal Harga menarek perhatian bahawa dengan pertambahan mengejut wang dalam edaran akan mudah menjadikan kenaikan harga yang tidak sa-mesti-nya berlaku jika bayaran2 itu nanti di-belanjakan dengan sa-wenang2.

Pehak Pengawal Harga menyarankan bahawa ada-lah penting lagi berfaedah jika nasehat2 Yang Amat Berhormat Menteri Besar itu benar2 dapat di-lakukan dengan tidak berbelanja sa-chara membazir sebalek-nya lebeh banyak menjadikan-nya sa-bagai simpanan untok di-gunakan kapada perkara yang berkebajikan di-masa akan datang.

## Tiga tangga gaji baru bagi Perubatan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tiga tangga gaji baru bagi perkhidmatan2 Perubatan dan Kesihatan ada-lah antara yang di-perkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia supaya di-adakan dalam tahun ini.

Tangga2 gaji yang baru di-perkenalkan itu ada-lah yang merupakan tambahan dalam tangga gaji "M" ia-itu untok perkhidmatan2 Perubatan dan Kesihatan.

Sunggoh pun tidak di-sebutkan nama2 jawatan yang akan menerima tangga gaji itu, tetapi ia-nya jelas menunjokkan ada-lah di-untokkan bagi pegawai2 yang terkanan atau pakar2 perubatan.

Tiga tangga gaji baru "M" itu ia-lah M20 dengan tangga gaji $5,500; M19 dengan tangga gaji $5,000; dan M18 dengan tangga gaji $4,700.

Lihat muka 20

## Melihat anak bulan Shawal

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pegawai2 Jabatan Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama kakitangan Jabatan Ukor akan melihat anak bulan Shawal pada hari Isnin 11hb Ogos untok menentukan Hari Raya Puasa bagi tahun Hijrah 1400.

Jika anak bulan Shawal dapat di-lihat pada petang itu, maka Hari Raya akan jatoh pada hari Selasa, 12hb Ogos dan jika tidak nampak, Hari Raya akan jatoh pada hari Rabu 13hb Ogos.

Pengumoman mengenai hasil penglihatan anak bulan Shawal itu akan di-buat melalui Radio dan Talivishen.

Sementara itu, sembahyang Hari Raya di-masjid2 dan surau2 di-seluroh negeri akan di-mulakan pada jam 7.30 pagi.

## Berhari Raya ka-Istana

BANDAR SERI BEGAWAN.—Dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, Istana Darul Hana akan di-buka sa-lama tiga hari, mulai Hari Raya Kedua.

Orang ramai boleh-lah berkunjong ka-Istana untok menziarahi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei dan lain2 Kerabat Diraja mulai jam 10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan dari pukol 2.00 petang hingga 4.00 petang.

Pelita Brunei
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

6HB OGOS, 1980

بسم الله الرحمن الرحيم

## DI-SEBALEK KENAIKAN GAJI

PADA umom-nya, semenjak beberapa bulan lepas pegawai2 dan kakitangan2 Kerajaan telah menjangkakan yang mereka akan mendapat kornia perubahan kenaikan gaji. Dan shukor alhamdulillah, titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan mengenai-nya telah pun di-umomkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Maka buat beberapa waktu ini tidak hairan kalau perhatian umom akan tertumpu dan berkisar sa-kitar perkara kenaikan tersebut yang antara-nya mengandongi kornia 'bonus' bagi pegawai2 dan kakitangan2 dalam division dua dan tiga ka-bawah.

Tinggal lagi apa yang mustahak di-ingat oleh semua pehak terutama yang mendapat kornia perubahan kenaikan gaji serta berbagai2 alaon itu bahawa keputusan di-sebalek kenaikan itu bukan-lah sa-mata2 untok membantu menghadapi bebanan kenaikan harga barang2 malah ia juga membayangkan perihal perengkat tanggong-jawab sa-suatu jawatan untok di-seimbangkan dengan keadaan2 yang terdapat sekarang, serta juga memberi perhatian kapada keperluan untok mendapatkan kakitangan2 kepakaran dalam perkhidmatan Kerajaan. Semua-nya ini ada-lah merupakan satu rangkaian dalam menimbangkan perubahan kenaikan tersebut, dan menurut Yang Amat Berhormat Menteri Besar ada-lah sa-mata2 untok kepentingan negeri dan isi di-dalam-nya supaya antara lain usaha2 Kerajaan untok menambahkan perkara2 yang berkebajikan khusus-nya pada melichinkan perjalanan ranchangan kemajuan dengan baik dan menchapai apa2 jua hasrat-nya yang berkebajikan sa-bagaimana yang di-niatkan.

Tanpa mengingat dan memahami ketiga2 aspek pertimbangan di-atas akan memungkinkan salah pengertian, terutama-nya di-segi perbezaan kadar kenaikan yang di-perolehi oleh masing2 pegawai dan kakitangan menurut sukatan tangga gaji dan division-nya.

Pada hakikat-nya memang-lah masing2 orang sama sahaja menghadapi beban akibat inflasi. Tetapi hal itu bukan-lah alasan yang tepat untok menyamaratakan kadar perubahan kenaikan itu sebab dalam perkhidmatan Kerajaan, tinggi — rendah satu2 sukatan tangga gaji dan division ada-lah perkara yang mesti di-adakan bagi menyatakan perengkat tanggong-jawab satu2 jawatan. Hal yang sama juga ia-lah pertimbangan yang di-buat kapada kehendak yang berbangkit dalam perkhidmatan Kerajaan saperti keperluan kapada tenaga2 pakar yang tertentu yang mana kepakaran mereka sukar di-dapatkan daripada sumber yang ada pada masa ini.

Sa-lain itu memang dapat di-fahami pula sa-tengah2 suara yang mengaitkan kenaikan itu dengan orang ramai yang tidak mempunyai mata-pencharian tetap. Mereka itu di-jangkakan akan turut terjejas oleh kenaikan harga barang2 terutama berikutan dari kenaikan gaji dan alaon semua orang dalam Kerajaan yang di-umomkan itu. Masaalah-nya jika pun hal itu sukar dapat di-elakkan tetapi ada-lah tidak betul kira-nya Kerajaan di-sangkakan tidak memberi perhatian kapada kemungkinan peniaga2 akan menaikkan harga barang2 yang bukan saja menjejaskan orang ramai pada keselurohan-nya itu tetapi juga menjejaskan pegawai2 dan kakitangan2 Kerajaan daripada menekmati sa-penoh-nya pendapatan kornia perubahan gaji dan alaon tersebut. Hal ini di-jelaskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar bahawa pehak2 yang bertanggong-jawab dalam kawalan harga sa-tentu-nya akan berusaha meneliti sa-barang kenaikan harga barang2 — bukan saja — dalam jangka waktu kenaikan ini di-laksanakan bahkan juga waktu2 yang akan datang. Dan tentu-lah patut di-sambut baik manakala Yang Amat Berhormat itu juga membayangkan yang Kerajaan sedang meneliti chara2 yang lebeh berkesan untok menstabilkan harga barang2 di-negeri ini.

Pada kesimpulan-nya, perubahan gaji — kenaikan kadar-nya dan kenaikan kadar lain2 alaon yang di-umomkan itu tidak-lah sa-patut-nya menjadi buah mulut sa-takat banding membanding kadar yang di-perolehi menurut perengkat pegawai dan kakitangan. Saperti itu juga ia tidak-lah sa-patut-nya di-jadikan alasan oleh ahli2 perniagaan untok menaikkan harga barang2 — apa-tah lagi mereka sa-benar-nya mudah terdedah di-tudoh sa-bagai 'opportunists' sa-kira-nya mereka tidak memberi perhatian yang positif kapada harapan dan seruan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam pengumoman beliau itu.

Masing2 akan beroleh menurut kadar-nya. Terserah-lah kapada masing2 untok menshukori kadar yang di-perolehi-nya. Dan keshukoran itu tentu-lah dalam maana pandai menghargai dan tahu membalas kornia dan termasok-lah juga menggunakan perolehan masing2 dengan sa-baik2-nya. Dengan itu masing2 kita berharap akan keberkatan-nya.

# Anggok—Giling yang di-tunggu

## PADA HEMAT SAYA....

MAKA berakhir-lah kata2 'anggok sudah, giling saja yang belum' yang sa-lama berbulan menjadi senda gurau.

Sa-kurang2-nya sa-takat menulis ini, yang di-katakan 'anggok sudah' itu telah pun 'di-giling' dan 'di-kelilingkan'. Masing2 yang berkenaan pun telah tahu 'angka-nya' dalam perubahan gaji dan alaon yang di-umomkan.

Soal yang berbangkit daripada-nya ia-lah tentang jumlah kenaikan.

Memang sudah di-jangkakan begitu sebab memang begitu-lah biasa-nya apabila orang sa-mata2 mengira — menghitong angka !

**Maalum saja-lah. Angka memang-nya sedia berbeza. Dari bilangan 1 sampai 10 saja sudah berlainan sebutan dan jumlah-nya apa lagi kalau di (+), di (−), di (×) dan di (÷) — tentu saja ada berbagai2 jalan-nya.**

Tentu saja boleh di-hitong, boleh di-kira. Kalau tidak sa-chara chongak2 tentu saja dengan menulis-kan-nya. Pun boleh di-mudah dan di-chepatkan lagi dengan di-meshinkan saja !

Sebab itu-lah (lebeh kurang dan barangkali saja!) apabila orang terbiasa berkira — berhitong dengan angka demi angka maka dia memang di-jangkakan chergas — chekap dengan jumlah dan kadar sa-suatu yang dapat di-kira. Kata-lah : jumlah sa-kian di-champur, atau di-tolak, atau di-kali atau di-bahagi dengan sa-kian akan dapat jumlah-nya sa-kian. Dan jumlah sa-kian apabila di-banding dengan jumlah sa-kian dapat pula kadar-nya sa-kian.

Lebeh kurang begitu-lah dalam perkara yang dapat di-kira atau yang termasok dalam jumlah yang boleh di-hitong menurut angka.

Tapi maana-nya tentu-lah bukan sa-mesti-nya berlaku dalam semua perkara. 'Bukan sa-mesti-nya,' sebab tidak semua perkara2 di-dunia ini hanya dapat **di-hitong di-kira**. Ada lagi perkara2 yang juga **dapat di-rasa**, atau boleh di-kesan dengan sa-rentak **mengira — merasa-nya** sekali pun ia di-jelmakan berupa angka.

Pada umom-nya begitu-lah sa-kitar 'anggok' yang sudah 'di-giling' itu.

Kesebokan menunggu-nya berbulan2 telah bertukar dengan mengira-nya. Tapi dapat di-jangkakan tidak-lah panjang tempoh mengira-nya itu. Sa-hari dua ini akan reda-lah ia.

Sementara ia akan reda itu, tergelitek juga hati saya untok menurunkan chatetan berikut . . . .

* * *

1 DUA tiga bulan dulu ada orang menanya: "Banar gaji kan naik, ustaz?"

"Di-mana kita mandengar?" saya menanya-nya kembali.

"Bukan lagi di-mana, banyak sudah orang mengurapakkan-nya" dia menjawab bijak.

"Mun miatu, barangkali jua banar" saya menyahut dengan maksud memendekkan arus ramalan ketika itu.

Dia rupa-nya tidak puas sa-takat itu.

"Bila tah kira-nya kan di-umomkan?" tanya-lah lagi.

"Inda kita tau kan?" saya saperti mengajok-nya sebab bila dia sudah perchaya akan **kurapak** di-sana sini mengenai gaji akan naik tentu dia juga sudah mendengar bila akan di-umomkan.

"Nya orang inda lagi batah" sahut-nya bersahaja tapi kelihatan benar ingin kepastian-nya.

Saya ketawa.

"Gaji kan naik atu pun baru barangkali2. Mun miatu sama jua barangkali2 saja inda lagi batah atu . . . ." saya menjelaskan begitu dengan harapan dia akan faham perkara yang di-tanyakan-nya itu chuma baru khabar2 yang tidak pasti.

Sa-bentar dia terdiam tapi kemudian bersuara : "Mun banar kan naik, barapa tah naik-nya atu?" Kelihatan dia saperti menanya sa-lari2 mulut saja.

Saya merenong muka-nya dengan simpati sebab saya sedar dia begitu diruntun oleh tanda tanya yang tidak akan terjawab oleh siapa2 waktu itu.

"Banyak atau sedikit atu jangan tah pulang di-ingaukan. Mun sudah di-naikkan nanti tentu tah maana-nya labih dari gaji karang ani . . . " sengaja saya berlurus kapada-nya dengan maksud memberi-nya persediaan mengelakkan berfikir tentang jumlah. Sebab saya tahu kalau orang chuma berfikir tentang jumlah kenaikan itu nanti tentu tidak akan pernah puas.

"Banar jua miatu atu, utaz. Ganya labih-nya atu nanti biar tah kabalasan" dia menyatakan pula harapan-nya yang mana saya dapat menjangkakan itu-lah harapan kebanyakan orang ketika itu.

Dan untok chuba merengankan tanda tanya-nya yang tidak berjawab dengan pasti ketika itu saya chuba bergurau menanya-kan: "Berapa tah agak-nya labih yang kabalasan atu?"

Dia ketawa sedikit. Saya tahu dia tidak berani dan tidak akan dapat memberi tahu jumlah kabalasan yang di-inginkan-nya, sebab perkara itu berhubong dengan keinginan mendapat wang. Dan saya dapat mengatakan dengan pasti bahawa dalam perkara mendapat wang tidak akan ada batas2 jumlah yang memuaskan — yang di-katakan kabalasan itu !

* * *

2 DAN dua tiga hari yang lepas, orang yang sama itu saya lihat tenang saja. Saya menyapa-nya bertanyakan khabar. Dia tidak menjawab, sa-balek-nya dengan ketawa2 dia menyatakan tidak ada lagi kan di-tanyakan dan di-ingaukan-nya.

"Puas hati, berapa?" saya pula sengaja menanya-nya. "Shukor tah!" sahut-nya rengkas.

Saya menduga dia chuma mengelak dari berchakap banyak di-hadapan saya tentang kenaikan gaji yang di-umomkan dan telah di-rantangkan dalam Surat Keliling itu. Saya tahu ada ramai orang yang dalam **division** yang sama dengan-nya sebok membanding-bandingkan jumlah2 dalam kenaikan tersebut. Dan sa-takat bersebok2 demikian mereka tidak-lah di-jangkakan akan bersuara mengatakan : "**Shukor tah !**"

"Marajok kita?" saya sengaja menchuit perasaan-nya sa-kira2 dia akan mahu berchakap lebeh lanjut lagi.

"Astaga . . . !" Jari telunjok-nya tegak membelah mulut hala ka-hidung-nya.

Saya tersenyum. Barangkali jua kerana sedang berpuasa maka-nya dia tidak ingin menchakapkan hal2 yang tidak perlu. Boleh tahan nampak-nya.

"Mun kan bapuas2 hati, inda ada siapa yang marasa kabalasan, walau pun *naik* 100%!" kata-nya *tegas*.

Saya agak *terkejut* juga dengan kata2 itu. Dan saya merasakan dia menguchapkan-nya dengan sedar, jujor dan yakin.

**Orang yang saperti-nya-lah jenis orang2 yang melihat angka dengan tidak chuma mengira — menghitong-nya tapi sekali gus mengira — merasa-nya. Yang mahu di-rasa-nya bukan-lah 'kabalasan' apabila mendapat banyak atau 'manungkol di-ulu hati' apabila mendapat sedikit, tapi ia-lah : kornia Allah — yang sedikit atau banyak patut di-shukor!**

—*Ketua Pegawai Penerangan.*

***". . . . yang mahu di-rasa-nya bukan-lah 'kebalasan' apabila mendapat banyak atau 'manungkol di-ulu hati' apabila mendapat sedikit."***

# NEW PAY STRUCTURES FOR GOVT. SERVANTS

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Government has revised the salaries and allowances of its employees in an effort to help them counter the effects of inflation.

The wonderful news was announced on television last Tuesday evening by the Menteri Besar Yang Amat Mulia Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail.

The revision, backdated to January this year, covers all personnel on daily pay, month-to-month, open vote, pension, permanent establishment and contract; and members of the Royal Brunei Malay Regiment and the Royal Brunei Police Force.

It also affects certain allowances including the monthly pensions paid to government servants on retirement.

In addition to the salary increases, officers in Division Two and below including daily paid workers will also receive annual bonuses.

The bonus, available on completion of a twelve-month service, will be a month's pay for officers in Division Two and one and a half month's pay for those in Division Three and below. These bonuses do not apply to officers in Division One and above.

In his 20-minute speech, the Mentri Besar outlined three reasons for the revision namely, to assist government servants to face the hardships caused by world-wide inflation; to make job responsibilities commensurate with present-day conditions; and to facilitate recruitment of skilled personnel.

All this, he added, is for the benefit and development of the country as a whole.

The revision also means increases in allowances for old age pensioners from $37.50 per month to $50.00 per month; disabled people and those suffering from tuberculosis; and families who receive aid through the Welfare, Youth and Sports Department.

Students will also get appropriate increases in their allowances as an incentive for them to put every effort into their studies.

Parents who send their children to private schools can also expect higher education allowance.

Passage allowance for annual and local leave will also go up on account of recent oil price hikes.

The Menteri Besar advised all government servants to refrain from over spending their arrears and pay increases especially in the days leading to Hari Raya.

He said part of the money ought to be set aside as saving and the rest to be spent on beneficial things in their own interests as well as those of their families and the community.

On the prices of goods, the Mentri Besar appealed to businessmen not to make the salary and allowance increases as an excuse to raise prices.

He realised, he said, that businessmen must make profit but it should not be at the expense of other people particularly those who have just been given wage increases.

By acting responsibly, he added, the businessmen will not be accused of being 'opportunists' as this can create hard feelings that can disrupt harmony within the community.

The Mentri Besar on behalf of all concerned, concluded his speech by wishing His Highness the Sultan and Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah, who has graciously consented to the salary and allowance revision, and members of the Royal Family, good health and longevity.

## Donations pour in for orphans

BANDAR SERI BEGAWNA. — Orphans in the State should be able to celebrate Hari Raya as any other children do and thanks to the generosity of members of the public.

Weeks before the celebration, contributions in the form of cash have been pouring in into the Brunei Muara District Orphans Fund which is under the chairmanship of Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Haji Kamaluddin, the Director of the Resettlement Department here.

Recently the Fund received donation from three members of the public totalling $200.

Of the donations, one hundred dollars came from Awg Chuchu bin Mohammad and fifty dollars each from Awg Jair bin Piut and Awg Raub Khan.

In Kuala Belait, a local businessman, Awang Abdul Samad bin Hj Metussin handed over his contribution of $1,000.00 to the Acting Belait District Officer, Pengiran Idriss who received it on behalf of the district's Orphans Fund.

Pengiran Idriss later that day also received another donation of $300.00 from the Kuala Belait Recreation Club



With site clearing works completed, actual construction of the Welfare Home begins as this picture shows.

## Home ready next year

By SHADOON LAMZI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Clearing works on the proposed site of the multi-million dollar government Welfare Home at Kampong Pulaie in Jalan Kebangsaan about five miles from here have been completed and workers, at this stage, have started actual construction of the project.

The contractor, Hong Bee Construction Limited, is expected to complete the project by December next year.

The Government, via the Welfare, Youth and Sports Department, in its move to assist youths in the State in all fields, will spend a vast sum of money — 6.9 million dollars to be precise — on the project.

An officer of the Welfare, Youth and Sports Department, Dayang Zaleha binte Haji Mohiddin, when contacted by PELITA last week said the Centre when completed, will be the State's first.

"The Centre covers an area of about ten acres, and it is designed as a rehabilitation home for juvenile offenders from all districts in the State", said Dayang Zaleha.

She added that a rehabilitation Centre, particularly when its function is the development of youths morally and mentally, in a developing country like Brunei, is undeniably very necessary.

Asked about the layout of the project, Dayang Zaleha said, "You will be able to see remand homes or rooms for forty boys and girls awaiting trail, open home for sixty, secure homes for twenty, a prayer room, a school with six classrooms, and a clinic. Boys and girls will be accommodated separately".

At present convicted juvenile offenders are given jail terms for a certain period; freed and placed on probation with condition that they report to the nearest police station once or twice a day for some months. Some have to get permission from magistrates or the OCPD before leaving their area.

Boys and girls in the Centre will be busy attending classes, studying practical lessons in a workshop which will also be made available and taking part in indoor sports in a gymansium which too forms part of the project.

"We will also use the Centre to provide temporary accommodation for disabled people such as the blind; another building specially for the handicapped will be built at a later date", said Dayang Zaleha.



The Acting Belait District Officer Pengiran Idriss (wearing white suit) with government and Brunei Shell officials at the launching.

## *A new ferry for the Belait River*

KUALA BELAIT. — A big modern ferry to make crossing of the Belait River to Kampong Sungai Teraban faster and easier was launched here last week.

The launching was performed by the Acting Belait District Officer Pengiran Idriss ibni Al-Marhum Pengiran Temenggong Sahibol Bahar Pengiran Haji Mohammad Piut at a ceremony attended by government and Brunei Shell officials.

The new ferry, named BELAIT LAYANG-LAYANG, will greatly ease the congestion on the route especially during weekends and public holidays.

It is owned by the Belait Shipping Company and on charter to Brunei Shell which will be responsible for its overall administration and maintenance.

The ferry, costing more than one million dollars, replaced the BEJAMPONG, a landing craft operated by Brunei Shell since 1968.

It is a roll/roll off type and is capable of ferrying upto a dozen cars at a time.

In spite of the expected high maintenance costs to keep the ferry in tip-top condition, Brunei Shell has increased the old fees by one dollar only on cars and buses.

Motor cyclists and pedestrians using the ferry continue to be exempted from the charges.

## Brunei in international conferences

BANDAR SERI BEGAWAN. — Brunei is among sixty countries taking part in two international conference on Education currently being held in Brazil, South America.

The State is being represented at these conferences by the Director of School Inspectorate, Awang Haji Mohammad Suni bin Haji Idris who also represents the Brunei Malay Teachers' Association.

The first conference the theme of which is 'Education Towards The States' Development' opened in Brasilia on Monday and will last five days.

After the conference Awg Haji Suni will travel to Rio De Janeiro for the second meeting for members of the teaching profession scheduled to begin on August 12.

Both conferences are organised by the World Confederation Of Organisations of the Teaching Profession.

## Celebrations underway

PEKAN TUTONG. — Celebrations to mark the thirty-fourth birthday of His Highness the Sultan Sir Muda Hassanal Bolkiah Muizzaddin Wadaulah, deferred because of Ramadhan to September 15, are now being organised state-wide.

Arrangements for two of the many programmes — a Malay martial arts competition and an art competition/exhibition — have already been finalised.

The Malay martial arts competition will be held at the Pantai Seri Kenangan here on August 31. The champions in the competition, divided into Silat and Kuntau sections, will represent the Tutong District at the State finals of the Silat and Kuntau Competition to be held next month.

Entry forms are obtainable from the Penghulus and Kampong Ketuas in the district or from the Secretary of the organising committee, Awang Ali Ahmad bin Haji Lahab at the Judiciary Office here.

The art competition/exhibition organised by the Brunei Artist Association, will be held at the Language and Literature Bureau in Bandar Seri Begawan.

The exhibition will take place immediately after the competition for nine days starting from October 6.

Local artists aged sixteen years and above interested in taking part in the competition should get the entry forms available from Awang Osman Mohammad at RTB or Abdul Hakim bin Haji Mokti at the Language and Literature Bureau and return them not later than October 1.

PELITA BRUNEI, Hari Rabu 6hb Ogos, 1980.

# HARI RAYA PUASA SIMBOL KEAGONGAN UGAMA ISLAM



BEGINI-LAH suasana kemeriahan yang terdapat di-Kompleks membeli belah, Gedong Perniagaan Klasse apabila sahaja menjelang Hari Raya Puasa, anak2 muda sebok dengan pilehan masing2 saperti yang terdapat dalam gambar ini.

Oleh :
**JAAFAR IBRAHIM**

MENJELANG 1hb Shawal seluroh umat Islam di-dunia ini akan merayakan Hari Raya Aidil Fitri atau Hari Raya Puasa yang merupakan hari yang mulia di-sisi Ugama Islam di-mana ia-nya lebeh mirip sa-bagai tanda keshukoran sa-lepas berperang menahan nafsu dan chabaran2 dari Allah s.w.t. dalam bulan Ramadhan sa-lama satu bulan.

Dengan ada-nya Hari Raya Aidil Fitri menjelang sa-tahun sekali itu sudah barang tentu akan dapat mengeratkan perhubongan tali silatul rahim antara umat Islam di-mana di-hari yang mulia itu-lah kaum2 musliman dan muslimat keluar beramai-ramai melawat sanak saudara, sahabat handai dan rakan taulan sambil bermaaf2an di-antara satu dengan yang lain kerana telah menjadi tradisi kita bahawa Hari Raya Puasa ada-lah di-anggap sa-bagai bulan yang mulia, bulan rumah terbuka dan bulan bagi bermaaf2an.

Keriangan dan kemeriahan Hari Raya Puasa bukan sahaja dapat memupuk persefahaman, muhibbah dan semangat saling hormat-menghormati di-antara umat Islam malahan ia-nya juga dapat merapatkan dan menjalinkan kemesraan serta hubongan keluarga baik yang jauh mahu pun yang dekat.

Maka dalam konteks ini amat-lah tepat sekali jika kita perkatakan yang Hari Raya Aidil Fitri merupakan simbol keagongan Ugama Islam di-mana di-seluroh negara Islam di-dunia fana ini merayakannya dengan penoh suasana yang berteraskan unsor2 untok memupok persefahaman dan muhibbah di-kalangan negara2 Islam am-nya dan di-antara umat Islam khas-nya.

**SUASANA**

Suasana keriangan dan kegembiraan itu akan lebeh di-rasakan lagi dan lebeh jelas terbayang apabila sahaja umat Islam selesai menunaikan sembahyang Hari Raya Aidil Fitri di-pagi hari di-mana ketika itu-lah umat Islam tidak kira kanak2, tua, muda, berpangkat dan sabagai-nya bersalam-salaman dan bermaaf2an sambil membisekan dan mengungkapkan ungkapan kalimat "SELAMAT HARI RAYA MAAF DZAHIR DAN BATHIN".

Bagi negara kita Brunei Darussalam, alhamdulillah shukor pada tiap2 tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah beserta dengan kerabat2 Diraja yang lain serta pembesar2 negara kersama2 dengan beribu-ribu raayat jelata menunaikan sembahyang Hari Raya dan sa-lepas upachara sembahyang selamat sempurna di-tunaikan, di-masa dan ketika waktu ini raayat jelata berpusu2 menjunjong ziarah kapada Kebawah DYMM serta kerabat2 Diraja yang lain dengan penoh perasaan riang dan gembira.

Di-sepanjang hari yang mulia itu, rumah orang2 Islam sentiasa terbuka untok kunjongan orang ramai samada sahabat handai dan kaum keluarga. Dan golongan yang paling riang dan gembira sekali di-hari lebaran ini ia-lah kanak2 di-mana kita sering terlihat tiap2 tahun kanak2 berduyun-duyun dan mundar-mandir mengunjongi dari sa-buah rumah kasebuah rumah dengan pakaian2 yang beraneka warna, sudah barang tentu dan sedikit sa-banyak akan menambahkan unsor2 yang sehat dalam kehidupan mereka dan dengan sachara tidak langsong dapat menanamkan bibit-bibit keharmonian di-jiwa mereka yang di-katakan bakal pemimpin generasi akan datang.

Suasana kunjong mengunjongi untok bersalam-salaman dan bermaaf2an ini bukan sahaja di-rasakan oleh pendudok2 yang tinggal di-bandar sahaja malahan merebak kakawasan2 pendalaman, desa dan pekan2 kechil dengan wajah yang berseri-seri sama2 merayakan Hari Raya Puasa yang penoh mulia dan harmoni.

Maka dengan ada-nya kunjong mengunjongi antara satu dengan yang lain sudah sa-mesti-nya akan dapat melahirkan persaan persaudaraan umat Islam yang kukoh dan mantap di-samping mengeratkan perasaan muhibbah dan bersatu padu menegakkan shi'ar Ugama Islam.

Sa-memang-nya suasana sa-umpama ini-lah yang di-hajatkan, di-chita2kan, di-hasratkan dan di-matalamatkan oleh kehendak2 ajaran Ugama Islam, Ugama Maha Suchi Allah itu yang sentiasa ingin mengujudkan Umat Islam hidup dalam keadaan aman dan damai, sejahtera, maju dan progressif.

**PERSIAPAN2 YANG DI-PERLUKAN**

Bagi kita di-Brunei, saat membuat persiapan menyambut hari yang mulia itu sudah terasa benar bagi masharakat Islam di-negeri ini walau pun kemunchak Hari Raya Puasa itu hanya tinggal beberapa hari sahaja lagi, namun kesebokan-nya tetap mula di-rasakan. Walhal pada tiap2 tahun asal sahaja menjelang 1hb Shawal bermacham2 barang2 yang hendak di-beli walau pun barang2 yang ada di-rumah maseh boleh di-gunakan.

Kita sedia maalom dan telah menjadi teradat kapada bangsa kita ia-itu masharakat Melayu menyambut Hari Raya Puasa itu dengan penoh kesebokan dan dengan suasana riang. Maalom sahaja-lah Hari Raya Puasa hanya di-rayakan sa-tahun sekali yang juga merupakan kenangan pada sa-tiap orang yang menempoh-nya ia-itu kenangan yang manis yang tidak mungkin akan luput dari ingatan masing2.

Jadi-nya untok menempoh hari yang mulia itu, tentu-nya sudah ramai orang2 kita sebok pergi ka-bandar untok membeli belah barang2 yang akan di-perlukan pada waktu itu mithal-nya alat2 perabot, langsir, permaidani, pinggan mangkok, alat2 pembakar kueh, pakaian dan sa-bagainya. Pendek kata menjelang Hari Raya berbagai2 jenis barang perhiasan yang hendak di-beli sa-mata2 untok memeriahkan lagi suasana kesebokan tersebut.

Ini jelas kapada kita di-mana ibu Negeri Brunei, Bandar Seri Begawan telah menjadi tumpuan dan penoh sesak dengan orang ramai dari pagi hingga ka-petang dan membawa ka-malam hari samata2 untok membeli keperluan2 dalam menempoh suasana hari yang mulai itu nanti. Antara gedong-gedong membeli belah yang menjadi tumpuan dan "target" orang ramai untok membeli barang termasok-lah Ocean Emporium, Gedong Perniagaan Klasse, First Emporium, First Metro dan tempat menempah menjahit seluar dan baju dan lain2 lagi tempat yang di-banjiri oleh orang ramai — saolah2 merupakan pesta.

Dan dalam keadaan waktu ini-lah kita sering melihat pada tiap2 tahun pekedai2 melekatkan poster2 jualan murah yang terpampang di-luar2 kedai ia-itu saperti perkataan "JUAL MURAH DENGAN POTONGAN 20%" dan bermacham2 lagi yang mana semua-nya ini ada-lah untok menarek minat dan memikat pelanggan untok membeli-nya supaya hasil jualan mereka akan laris dan mendapat keuntongan yang lebeh banyak.

Jestru daripada itu, orang2 kita Melayu khusus-nya suri2 rumah tangga akan terperangkap dengan iklan2 yang sademikian dan lantas mereka akan datang berpusu2 serta berasak2 ingin masok segera ka-satu2 tempat yang menjual barang dengan harga murah itu kerana mereka takut kehabisan atau lebeh tepat lagi takut tidak 'ampit.

**BERJIMAT**

Maka untok menseimbangkan keadaan yang sa-benarnya, kita, terutama sekali suri2 rumah tangga patut-lah berhati2 dalam membeli-belah di-musim menjelang Hari Raya Puasa ini jangan sampai kita terpengaroh dengan chorak yang sa-demikian dan di-samping itu pula kita perlu-lah berjimat chermat berbelanja lebeh2 lagi dalam keadaan inflasi yang melanda di-waktu ini.

Maka berbelanja-lah sa-takat yang kita mampu sahaja dan dengan ala kadar-nya jangan sampai kita berhutang sana berhutang sini dan jangan terlampau menurutkan kehendak perasaan yang suka sahaja kerana Hari Raya yang kita tempoh itu hanya dalam jangka waktu yang pendek sahaja sedangkan apabila selesai kita merayakan tentu ada barang2 yang lebeh muntahak dan di-beli untok keluarga terutama sekali perbelanjaan kanak2 sekolah.

**KESEBOKAN**

Kesebokan menjelang Hari Raya bukan sahaja terdapat di-kedai2 malahan di-rumah2 juga kesebokan itu telah di-rasakan di-mana kita sering terlihat dan terpandang satiap tahun sa-tengah2 mereka ada yang membaiki, menchat dan membersehkan kawasan halaman rumah, membersehkan alat2 perabot saperti kerusi, meja, gambar2 dan sabagai-nya.

Semua kesebokan ini mencherminkan betapa kita orang2 Melayu dari sejak datok nenek kita lagi sudah terkenal dengan kelakuan (habitual) sa-umpama ini di-mana suasana Hari Raya Puasa yang akan menjelang tidak beberapa lama lagi itu lebeh memberi makna yang besar dan kenangan yang abadi.

Di-samping itu juga terdapat sa-tengah2 orang Islam di-negeri kita ini pergi menziarahi kubor2 sanak saudara yang telah pergi awal menyahut seruan Illahi daripada kita. Mereka pergi ka-perkuboran di-samping menjiruskan "ayeng asah2an" dan bunga2 yang beraneka warna mereka juga membacha ayat2 suchi Al-Kor'an dan surah2 Yassin sa-mata-mata untok memohon keringanan serta kelapangan roh2 si-mati supaya akan tergolong dalam golongan orang2 yang beriman dan di-himpunkan ka-dalam shorga.

Menziarahi perkuboran dalam Ugama Islam hanya-lah di-haruskan bagi tiap2 orang Islam tetapi bagi Umat Islam di-negara kita keadaan sa-umpama itu sudah tidak dapat dipisahkan lagi malahan telah di-amalkan sejak datok nenek kita dan ia-nya di-sifatkan sabagai di-mestikan terutama dalam masharakat kita orang2 Melayu saperti kata pepatah Melayu saperti "Isi dengan kuku."

**SURI2 RUMAHTANGGA MEMAINKAN PERANAN PENTING**

Dalam menempoh menjelang-nya 1hb Shawal itu, kaum ibu (suri2 rumahtangga) di-ibaratkan sa-bagai golongan yang sebok sekali dan memainkan peranan yang penting dalam menguruskan dan menyediakan serta mengeluarkan fikiran2 yang baik dalam menghias rumah tangga serta menyiapkan lain2 keperluan.

Peranan yang mereka mainkan chukop menyebokan, baik dari segi menghias dan membisaikan kawasan dalam rumah. Dari membuat kueh mueh hingga-lah membuat ketupat dan rendang dan seterusnya menjahit baju2 anak2 serta berbagai2 chorak dan ragam yang di-kendalikan oleh suri2 rumahtangga.

Sa-tengah2 suri2 rumahtangga di-negeri kita sebok dengan pakaian anak2 jadinya untok menjimatkan masa suri2 rumahtangga, mereka terpaksa-lah membawa anak2 mereka untok membelikan baju2 yang baru atau membuat tempahan2 di-kedai2 menjahit baju lebeh awal lagi kerana di-musim menjelang-nya Hari Raya Puasa kebanyakan kedai2 menjahit baju telah penoh dengan tempahan2 dari pelanggan sa-hinggakan ada tukang2 jahit menolak tempahan2 mereka.

Di-dalam menyediakan kueh mueh pula, ada sa-tengah2 kaum2 ibu dari awal2 lagi sudah membeli bahan2 yang di-gunakan untok membuat kueh kerana mereka takut bahan2 tersebut akan kehabisan dan harga-nya akan naik meningkat — dan ada pula satengah kaum ibu membeli kueh daripada membuat-nya. Ini sering berlaku kapada suri2 yang bekerja di-pejabat2 kerajaan kerana mereka tidak mempunyai masa yang chukop lantas mereka berbuat demikian. Kueh mueh yang menjadi kegemaran bagi orang kita Melayu ia-lah saperti kueh mor, kueh tat, bahulu dan bermacham2 lagi jenis kueh yang menjadi kegemaran ramai. Jadi di-sini jelas kapada kita bahawa peranan yang mereka mainkan chukop menyebokan.

**ELAKKAN SA-BARANG KEBAKARAN BERLAKU**

Dan dalam suasana kita menempoh Hari Raya Aidil Fitri itu, kita terutama sekali suri2 rumahtangga perlu-lah berhati2 dan berwaspada selalu demi untok mengelakkan sabarang kemalangan kebakaran berlaku. Kaum2 ibu mesti-lah berhati2 dalam menggunakan alat2 dapor — pastikan alat2 pembakar kueh dan dapor gas itu selamat di-gunakan terutama sekali suri2 rumah tangga yang menggunakan dapor elektrik dan oven, tong-tong gas dan minyak tanah pada mengelakkan kebakaran.

Kerana di-suasana begini-lah kebakaran sering berlaku terutama apabila timbul-nya, kechuaian di-kalangan suri2 rumahtangga — betapa tidaknya mithal-nya kerana terlalu sebok menjahit langsir dan alas meja alat dapor gas langsong tidak teringat — dan ini-lah puncha yang selalu menyebabkan kebakaran berlaku menjelang Hari Raya Aidil Fitri yang mungkin menimbulkan dan mengakibatkan benchana di-mana rumah2 kita musnah di-jilat api atau kaum keluarga kita menemuai kemalangan di-sebabkan luka, melechur dan sa-bagai-nya.

Di-samping itu juga ibu bapa ada-lah di-ingatkan supaya melarang anak2 daripada bermain merchun dan meriam buloh. Ingatan sa-umpama ini juga telah di-nyatakan oleh pehak pulis yang mana bahan2 letupan sa-umpama itu telah di-haramkan di-Brunei dan tindakan keras akan di-ambil ka-atas mereka yang di-dapati memainkan-nya. Meriam buloh bukan sahaja merbahaya kapada orang yang memainnya, tetapi juga orang yang berdekatan yang boleh menyebabkan kebakaran sering berlaku.

Oleh itu suri2 rumahtangga perlu-lah berwaspada ia-itu ketika membakar kueh mueh pastikan perkakas saperti tong2 gas dan tiub tidak bochor dan berada dalam keadaan selamat untok di-gunakan dan anak2 kita mesti-lah di-larang daripada bermain api samada merchun, meriam buloh dan sabagai-nya bagi mengelakkan sa-barang kebakaran yang mungkin akan menjejaskan kehidupan kita di-masa2 akan datang — kerana malang tidak berbau dan api di-sifatkan sabagai 'kechil2 jadi kawan sudah besar jadi lawan.'

Dan oleh itu mari-lah kita sama2 menadah tangan memohon kapada Allah s.w.t. semoga Hari Raya Puasa yang kita tempohi itu akan menjadikan kita lebeh berusaha bersungguh2 dalam menchapai kehidupan yang lebeh bahagia di-dunia ini di-samping terus mengerjakan segala surohan-Nya dengan penoh keimanan dan takwa.

Dan jangan-lah jadikan Sambutan Hari Raya itu sabagai medan untok berpesta dan di-luar dari garis panduan Ugama Islam ia-itu saperti berdansa, disko, meminum minuman2 yang keras dan sabagai-nya.

TARIKH 17 Ramadhan ada-lah merupakan tarikh yang amat bersejarah bagi umat manusia yang memisahkan antara zaman yang gelap gelita dengan zaman yang terang benderang. Pada malam itu-lah 14 abad yang lampau turun wahyu pertama kapada Rasulullah terakhir, Junjongan kita Nabi Muhammad s.a.w. di-suatu tempat yang sunyi sampai di-gunong Hera yang kemudian di-namakan Jabal Nor, Gunong Chahaya.

Sejak turun wahyu pertama kapada Nabi Muhammad s.a.w. itu, terbentang-lah sempadan pemisah antara zaman jahiliah dengan zaman kemajuan, yang seterus-nya memisahkan antara yang batal dengan hak, antara kezaliman dengan keadilan, antara kegelapan dengan chahaya.



# Wahyu pertama kapada Junjongan Nabi kita

Wahyu pertama yang di-turunkan kapada Junjongan kita itu, di-sampaikan melalui perantaraan malaikat Jibrel ia-itu firman Allah yang bermaksud: *"Bacha-lah (Ya Muhammad) dengan nama Tuhan-mu yang menchiptakan Dia (Allah) telah menchiptakan manusia dari sa-gumpal darah. Bacha-lah dan Tuhan-mu itu Maha Pemurah. Yang mengajarkan dengan pena. Mengajarkan kapada manusia apa yang belum di-ketahui-nya.*

Wahyu pertama itu mengandongi tiga perkara penting, yang merupakan unsor yang menentukan dalam kehidupan manusia. Ketiga perkara itu meliputi bidang2 aqidah, muamalah dan akhlak.

Pertama dari segi aqidah, keperchayaan, pada ayat ini di-perintahkan kapada Nabi Muhammad s.a.w. supaya membacha dengan menyebut nama penchipta sendiri ia-itu

باسم ربك yakni

Allah s.w.t. Ini memberikan satu pengertian bahawa sa-tiap memulai langkah, perkataan dan tugas pekerjaan hendak-lah berdasarkan dan menyebut nama Allah. Dengan niat dan sikap yang demikian, kita mengharapkan bahawa usaha atau tugas yang akan di-hadapi itu mendapat bimbingan dari Allah s.w.t.

Dengan menyebutkan

باسم ربك maka

dengan sendiri-nya tertanam dalam jiwa kita kekuasaan Allah, yang menchiptakan segala sa-suatu dari tiada menjadi ada. Dengan demikian, sa-makin tumboh keperchayaan dalam diri kita bahawa Allah itu Maha Agong dan Maha Kuasa. Dalam menyebutkan nama penchipta itu terkandong pula pengharapan supaya mendapat pertolongan dan bimbingan Allah, agar kita menchapai kejayaan dalam pekerjaan yang akan atau sedang di-hadapi itu. Sa-lain daripada itu, sa-tiap pekerjaan yang di-mulai dengan nama Allah, maka pekerjaan itu tidak dapat di-champori oleh shaitan, yang membawa manusia kapada kegelapan dan kehanchoran.

Sebab itu-lah, apabila kita memulai sa-suatu perkerjaan, sa-baik2-nya menyebut dengan nama

Allah بسم الله kerana pekerjaan yang tidak di-mulai dengan nama Allah, tidak akan mendapat berkat.

Dalam bidang muamalah (hubongan kemasharakatan) di-sebutkan pada ayat tersebut bahawa Allah mengajarkan kapada Nabi Muhammad s.a.w. dengan qalam (pena) ia-itu lambang ilmu pengetahuan. Hal ini memberi satu pengertian bahawa ilmu pengetahuan menjadi alat yang penting dalam kehidupan ini. Di-nyatakan sa-lanjut-nya, bahawa Allah Ta'ala mengajarkan kapada manusia perkara2 yang belum mereka ketahui.

Ilmu2 pengetahuan yang di-tuntut dengan selalu menyebut atas nama Allah akan mendatangkan munafaat untok umat manusia. Tetapi sa-balik-nya, ilmu yang lepas sama sakali dari ikatan keredhaan Allah dapat pula di-pergunakan untok menghanchorkan umat manusia dan peradaban. Di-bidang akhlak pula, dalam wahyu pertama itu di-nyatakan oleh Allah bahawa manusia di-chiptakan dari sa-gumpal darah. Darah itu pada umom-nya adalah benda yang di-anggap kotor dan rendah. Walaupun demikian sa-telah darah itu kemudian terbentok manusia dan lahir kadunia ini, maka manusia itu menjadi makhlok yang tinggi dan mulia, yang diberikan tugas memimpin dan memakmorkan dunia ini.

Asal-usol kejadian manusia itu hendak-lah di-insafi oleh sa-tiap orang. Allah melukiskan yang demikian agar kita jangan bersikap sombong angkoh. Tinggi diri dan takbor dan lain2 akhlak yang terchela. Apabila kita menyedari kerendahan asal usol kita, maka dapat-lah tertanam dalam diri kita sifat tawadhu'-rendah diri, ia-itu salah satu sifat yang dapat mengujudkan hubongan yang mesra antara satu sama lain — sifat rendah diri dapat menghindarkan kita dari sifat sombong dan takbor yang membawa akibat yang burok.

Demikian-lah serba ringkas pengajaran yang dapat kita ambil dari wahyu pertama yang di-turunkan kapada Muhammad s.a.w. di-gua Hera itu. Semoga kita akan berpegang dan mengamalkan-nya dalam kehidupan sa-hari2.

## O Bingkisan minggu ini

# Sembahyang menyempurnakan peribadi muslim

TELAH menjadi kenyataan, bahawa tidak sa-orang pun antara kita akan rela di-panggil dengan panggilan yang tidak baik, dan malah akan membangkitkan api kemarahan bila orang berbuat demikian kapada kita.

Tapi tahu-kah kita, orang tidak akan berbuat demikian sa-andai-nya belum terbokti kebenaran apa yang di-lemparkan-nya itu. Ada-lah tidak munasabah kalau sa-seorang itu di-panggil sa-bagai penchuri mithalan-nya kalau ia orang yang baik dan elok pula keolahan-nya. Lain-hal-nya kalau hal itu terbokti kebenaran-nya. Walaupun demikian tentu-nya kita maseh keberatan untok menerima panggilan yang sa-burok itu.

Jadi-nya jika kita tidak mahu di-panggil dengan panggilan yang kita tidak ingini, maka kita tinggalkan perkara2 tersebut sementara awal sa-belum terlambat dan dengan itu kita akan menjadi orang yang di-gunai dan di-segani.

Kalau di-buat satu tinjauan, kita akan mendapati orang2 yang melakukan perkara2 yang keji dan mungkar itu, sa-hingga menimbulkan panggilan yang tidak baik, ia-lah orang2 yang tidak tahu malu sa-hingga tidak terfikir oleh-nya masa hadapan-nya. Dan mereka ini selalu-nya ada-lah terdiri dari orang2 yang menganggap rengan tentang ugama. Ataupun dengan lain perkataan orang yang meninggal kewajipan ugama, bila tidak tahu, tidak mahu belajar untok mengetahui-nya, dan menganggap surohan2 ugama itu membebankan diri sendiri. Tapi akibat-nya, sendiri jua yang menerima pembalasan. Dan pembalasan itu chuma pembalasan yang kechil di-dunia. Betapa pula pembalasan dari Allah di-akhirat nanti?

Berchakap mengenai kewajipan ini, kita ambil satu chontoh; sembahyang umpama-nya. Kalau-lah sa-seorang itu mengerjakan sembahyang, tentulah ia tidak akan tergamak untok melakukan sa-suatu yang bertentangan dengan ajaran2 Islam dan malah ia akan menjauhkan diri daripada-nya.

Kita perhatikan Firman Allah dalam Surah Al-Ankabut sa-bahagian ayat 45 bermaksud: *"Sa-sungguh-nya sembahyang itu menchegah dari perbuatan2 keji dan mungkar".*

Ternyata bahawa; kalau kita mengerjakan sembahyang kita akan berjaya menghindarkan perbuatan2 yang keji dan mungkar. Dengan demikian ini bererti kita telah berjaya menyempurnakan peribadi kita. Betapa tidak-nya, segala gerak laku kita ada-lah sentiasa mengikut lunas2 ajaran Islam.

Kalau kita terasa yang kita belum dapat menyempurnakan peribadi kita sa-telah menyempurnakan ibadat sembahyang, maka kita buat satu kajian mengapa terjadi demikian itu. Tentu terdapat kesilapan2 sa-hinggakan terjadi demikian itu. Kerita mithal-nya, tentu ada satu2 sebab kenapa jalan-nya tidak 'steady'. Dan sa-telah di-usai atau di-ganti dengan kehendak kerita itu tentu ia akan berjalan saperti biasa. Demikian jua dengan persoalan tadi tentu ada salah silap-nya. Dan bila salah silap ini di-usai, maka kita akan berjaya menyempurnakan peribadi kita sa-telah menyempurnakan sembahyang.

Dengan itu terhindar-lah kita dari sebutan2 tidak baik yang kita tidak ingini. Dan suasana kehidupan kita pun aman tenteram tanpa sa-suatu yang tidak di-ingini.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

**Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 6hb Ogos, 1980 hingga ka-hari Selasa 12hb Ogos, 1980 ada-lah saperti di-bawah ini: —**

| Hari Bulan | Dzuhor | Asar | Magrib | Isha | Imsak | Suboh | Matahari Terbit |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 6hb Ogos | 12.30 | 3.48 | 6.39 | 7.50 | 4.43 | 4.58 | 6.16 |
| 7hb Ogos | 12.30 | 3.48 | 6.39 | 7.50 | 4.43 | 4.58 | 6.16 |
| 8hb Ogos | 12.30 | 3.48 | 6.39 | 7.50 | 4.43 | 4.58 | 6.16 |
| 9hb Ogos | 12.30 | 3.48 | 6.39 | 7.50 | 4.43 | 4.58 | 6.16 |
| 10hb Ogos | 12.30 | 3.48 | 6.39 | 7.50 | 4.43 | 4.58 | 6.16 |
| 11hb Ogos | 12.29 | 3.47 | 6.38 | 7.49 | 4.43 | 4.58 | 6.16 |
| 12hb Ogos | 12.29 | 3.47 | 6.38 | 7.49 | 4.43 | 4.58 | 6.16 |

**Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.**

**Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.**

# Nuzul Al-Kor'an di-sambut seluroh negeri

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sambutan Nuzul Al-Kor'an tahun ini telah di-adakan di-seluroh negeri dengan thema "MEMBANGUN DENGAN AJARAN2 AL-KOR'AN". Di-Daerah Brunei dan Muara ia-nya di-adakan di-Surau Kampong Setia, Kampong Ayer pada 29hb Julai, 1980 yang baru lalu.

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abd Hamid bin Bakal, Kadhi Besar, Brunei telah merasmikan majlis tersebut. Antara acahara yang telah di-adakan ia-lah persembahan bachaan Al-Kor'an, sharahan khas yang di-sampaikan oleh Awang Haji Suhaili bin Haji Mohiddin, Pegawai Ugama Kanan di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei dan sa-terus-nya Majlis Khatam Al-Kor'an.

Di-Daerah Tutong sambutan tersebut akan di-adakan di-Masjid Keriam pada 8hb Ogos, 1980 ini sa-lepas sembahyang tawarikh. Sa-orang Pegawai Ugama dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei, Awang Muharram bin Piah akan menyampaikan sharahan khas di-majlis tersebut.

Manakala di-Daerah Belait sambutan yang sama telah juga di-langsongkan di-Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait pada 29hb Julai, 1980. Sharahan khas telah di-sampaikan oleh Awang Abd Mokti bin Mohd Daud, Pegawai Ugama Kanan, Brunei.

Sambutan yang sama bagi Daerah Temburong akan di-adakan pada 9hb Ogos, 1980 depan bertempat di-Masjid Utama Mohd Salleh, Pekan Bangar, Pengiran Mohammad bin Pg Hj Abd Rahman, Pegawai Ugama di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, akan memberikan sharahan khas di-majlis tersebut.

# PUASA DAN JENIS2—NYA

Oleh
PENGIRAN MOHAMMAD BIN PG HAJI ABDUL RAHMAN
Pegawai Ugama JHEU

DARI segi bahasa (loghat) puasa itu ia-lah **Al-Imsak** sa-mata2 (menahan diri). Firman Allah Ta'ala :

(اِنِّي نَذَرْتُ لِلرَّحْمٰنِ صَوْمًا)

Ada pun puasa dari segi shara' ia-lah menahan diri dari berbuka, di-antaranya ia-lah menahan keinginan nafsu shahwat, makan dan minum, dari terbit fajar hingga-lah kapada terbenam-nya matahari, ia-itu di-sertai dengan niat berpuasa.

Puasa Ramadhan itu thabit wajib-nya kapada orang2 Islam yang chukop sharat2nya, maka ia di-mulakan dengan salah satu chara berikut ia-itu :

1. Apabila thabit nampak anak bulan Ramadhan oleh sekurang2-nya sa-orang yang adil, dan maksud adil itu ia-lah orang yang merdeka, baligh, berakal dan tidak melakukan dosa besar. Atau anak bulan itu di-lihat oleh sa-kumpolan orang ramai yang mana di-kira mereka itu mustahil akan berpakat melakukan pembohongan.
2. Sa-kira-nya anak bulan tidak dapat di-lihat di-sebabkan awan tebal dan sa-bagai-nya maka hendak-lah bulan Sha'aban di-chukopkan 30 hari. Sabda Rasulullah :

(صُومُوا لِرُؤْيَتِهِ وَأَفْطِرُوا لِرُؤْيَتِهِ فَإِنْ غُمَّ عَلَيْكُم فَاقْدِرُوا لَهُ)

Memperkatakan puasa sa-chara menyeluroh dapat kita bahagikan kapada beberapa jenis ia-itu: (1) **Puasa Wajib** (2) **Puasa Sunat** (3) **Hari2 yang diharamkan berpuasa** dan (4) **Hari2 yang makroh kita berpuasa.**

## PUASA WAJIB

Ada pun puasa wajib ia-lah puasa Ramadhan, ia di-lakukan oleh sa-tiap orang Islam yang mukallaf yang chukop sharat2 sah wajib-nya ia-itu: (1) **Berniat** (2) **Berakal** (3) **Baligh** (4) **Berkeupayaan** (5) **Berseh dari darah haid dan nifas** (6) **Serta ia saorang Islam.**

Termasok juga dalam puasa wajib ia-lah puasa nazar kerana perkara2 yang berkebajikan. Umpama-nya ia bernazar sa-kira-nya ia berjaya menchapai sa-suatu yang di-maksudkan-nya maka ia akan berpuasa sa-lama tiga hari. Jadi puasa ini wajib-lah di-laksanakan-nya sa-kira-nya apa yang di-hajati-nya itu terchapai. Sa-lain dari itu ia mesti-lah juga menentukan (ia-itu sa-andai-nya puasa nazar-nya itu lebeh dari sa-hari) supaya ia menetapkan untok berpuasa berturut2 maka wajib-lah ia melaksanakan-nya berturut2. Sa-kira-nya ia tidak menentukan demikian, maka boleh-lah ia berpuasa mengikut sa-suka-nya. Asalkan jumlah hari yang di-nazarkan-nya itu menchukopi. Sa-lain puasa Ramadhan dan puasa nazar, maka puasa kaffarah juga di-kira wajib.

## PUASA2 SUNAT

Mengenai puasa sunat atau hari2 yang di-sunatkan berpuasa ada-lah banyak, antara-nya ia-lah :

1. Berpuasa pada 9 haribulan Zulhijjah bagi orang yang bukan menunaikan Haji. Tetapi bagi orang yang sedang mengerjakan Haji ada-lah sunat pula bagi-nya tidak berpuasa.

2. Berpuasa pada 10 haribulan Muharram yang di-sebut sa-bagai hari 'Ashura.

3. Puasa pada kebanyakan hari di-bulan Sha'aban

قالت عائشة: ما رايت رسول الله (ص) استكمل صيام شهر قط الا شهر رمضان. وما رايته في شهر اكثر منه صياما في شعبان.

Erti-nya: Aishah berkata : Tiada-lah aku melihat Rasulullah (s.a.w.) menyempurnakan puasa sa-bulan melainkan puasa Ramadhan, dan tiada-lah aku melihat-nya ia banyak berpuasa melainkan pada bulan Sha'aban (riwayat Bokhari dan Muslim).

4. Begitu juga di-sunatkan berpuasa pada hari Khamis dan Isnin.
5. Puasa Enam (kata orang kitani) ia-itu puasa sa-lepas hari pertama dari Aidil-Fitri, yang afdhal-nya ia-lah berturut2 enam hari.
6. Puasa tiga hari pada tiap2 bulan Qamariah yang afdhal-nya ia-lah pada 13, 14 dan 15 haribulan.

Dan lain2 puasa sunat lagi.

## HARI2 YANG DI-HARAMKAN BERPUASA

Hari2 yang di-haramkan kita berpuasa ia-itu :

1. Pada 1 haribulan Shawal (pada 1 Hari Raya Puasa)
2. Pada Hari Raya Haji ia-itu 10 Zulhijjah, sa-terus-nya pada 11, 12, dan 13 daripada bulan Zulhijjah itu juga. Di-panggil juga hari tersebut sa-bagai hari Tashriq.

Pada hari2 tersebut bukan sahaja puasa kita tidak sah, tetapi juga akan berdosa kerana melanggar larangan Allah Subhanahu Wata'ala dan Rasul-Nya.

Juga termasok di-haramkan ia-lah apabila isteri berpuasa sunat sedangkan suami-nya tidak mengizinkan-nya, ada pun sa-kira-nya ia tahu bahawa suami-nya redza dan tidak membantah ia berbuat begitu maka boleh-lah ia berpuasa. Ini berbeza dengan puasa wajib atau fardhu. Dalam puasa wajib itu tidak-lah di-sharatkan izin suami saperti puasa wajib di-bulan Ramadhan ini. Dalam satu hadith Nabi berbunyi :

لا تصوم المراة يوما واحدا وزوجها شاهد الا باذنه الا رمضان .

Maksud-nya : **Dari Abi Hurairah bahawa Nabi (s.a.w.) bersabda : Tidak-lah perempuan (isteri) itu dapat berpuasa walau pun sa-hari sedangkan suami-nya ada bersama-nya pada masa itu melainkan dengan izin suami-nya, kechuali pada bulan Ramadhan.**

## HARI2 YANG DI-MAKROHKAN BERPUASA

Sementara hari2 yang di-makrohkan berpuasa ia-lah hari Juma'at, kerana pada hari ini di-kira hari raya bagi orang2 Islam. Tetapi jika Juma'at itu merupakan sambongan dari puasa hari Khamis atau Juma'at itu bersambongan dengan puasa hari Sabtu maka puasa sa-demikian itu ada-lah di-bolehkan. Dalil-nya :

وعن عامر الاشعرى قال: سمعت رسول الله (ص) يقول: ان يوم الجمعة عيدكم فلا تصوموه الا ان تصوموا قبله او بعده.

Juga makroh berpuasa ia-lah pada hari shak dengan sangkaan sama ada hari itu termasok dalam (Sha'aban atau Ramadhan) umpama-nya. Malik bin Anas, Ash-Shafie, Ahmad bin Hambal, Sufyan As-Thauri mengatakan bahawa makroh sa-seorang itu berpuasa pada hari sa-umpama itu.

Demikian-lah beberapa keterangan mengenai dengan pengertian puasa dan jenis2-nya. Dalam kita menchari keredhaan Allah (s.w.t.) dan mengerjakan ibadah yang tinggi nilai-nya di-sisi Allah ini, ada-lah perlu kita mengetahui puasa2 yang di-katakan wajib, sunat, haram dan makroh itu, supaya kita tidak berpuasa sedang puasa itu tidak di-terima oleh Allah malahan penat dan dosa pula yang di-dapat.

*WALLAHU A'ALAM.*



SUASANA begini selalu terdapat sa-tiap bulan puasa. Gerai2 menjual kueh-mueh sentiasa di-banjiri oleh orang ramai untok membeli "kataisan nur" untok berbuka puasa saperti kelihatan dalam gambar atas.

# RANCHANGAN2 RADIO KHAS UNTOK HARI RAYA

## RANCHANGAN2 MENJELANG HARI RAYA

### PETANG

5.00 Pembukaan dan Susunan Ranchangan
5.02 Keluarga Si-Awang
5.30 Tanda Waktu dan Warta Berita
5.45 Irama Di-Senja
6.00 Siri Mukkaddam
6.15 Bingkisan Hari Ini
Menjelang Sungkai
Bedok dan Azan Maghrib
Menunaikan Sembahyang Maghrib

### MALAM

7.00 Penyanyi Harapan
7.30 Pengumoman Anak Bulan Shawal 1400
Azan Isha
8.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
Berita2 dalam Bahasa Dusun dan Iban
8.30 Perutusan Hari Raya
8.45 Takbir Hari Raya
9.00 Esok Ketani Berhari Raya
9.30 Lukisan Minal Wa-Idin
10.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
10.15 Suntingan Hidayah
Drama Radio
11.00 Sa-Rangkai Kata
Sa-Titek Rasa
12.00 Permintaan Melalui Talipon

## HARI RAYA PERTAMA

### PAGI

1.45 Susunan Ranchangan Esok
Bachaan Al-Koran
Doa Restu
1.59 Penutop dan Lagu Kebangsaan Negeri Brunei
4.00 Pembukaan dan Susunan Ranchangan
4.05 Irama Aidil-Mubarak
4.30 Bachaan Tarhim (Siaran Langsong dari Masjid Omar Ali Saifuddin/ Kampong Serusop)
Azan
Menunaikan Sembahyang Suboh
5.15 Lagu2 Qasidah
5.30 Bachaan Al-Koran
6.00 Takbir Hari Raya
7.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
7.05 Takbir Hari Raya dan Sembahyang Hari Raya dari Masjid Mohammad Bolkiah Kampong Serusop
9.00 Nashid Aidil-Fitri
9.30 Persembahan Pencharagam
10.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
10.10 Astagah Mengapa Kian
10.45 Bakat Lama Aidil-Fitri
11.30 Anita's Show

### T/HARI

12.15 Irama Aidil-Mubarak
Azan Dzohor
12.45 Tanda Waktu dan Warta Berita
1.00 Mari Berpantun (DM)

### PETANG

2.00 Dendang Juruhebah
3.00 Jenaka Rama
4.00 Juruteknik Berhari Raya
5.00 Gema Irama Aidil-Fitri
5.30 Tanda Waktu dan Warta Berita
5.45 Musafir Di-Aidil-Fitri
6.15 Mukkaddam
Bingkisan Hari Ini
Sembahyang Maghrib

### MALAM

7.00 Serbanika Aidil-Fitri
Azan Isha
8.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
8.30 Permintaan dari London (melalui Talipon Satellite)
9.30 Pencharagam Tempatan
10.00 Tanda Waktu dan R/Berita
10.15 Permintaan Talipon
11.45 Bachaan Al-Koran
Doa Restu
11.59 Penutop dan Lagu Kebangsaan Negeri Brunei.

## HARI RAYA KEDUA

### PAGI

6.00 Pembukaan dan Susunan Ranchangan
6.05 Sinaran Wahyu
6.30 Dendang Hari Raya
7.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
Suntingan Hidayah
Dendang Hari Raya
8.00 Mekar Di-Taman Aidil-Fitri
9.00 Finalist Mutika 80
10.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
10.15 Merpati Dua Sejoli
11.00 Impian Jenaka

### T/HARI

12.00 Pencharagam Tempatan
Azan Dzohor
12.30 Irama Aidil-Mubarak
12.45 Tanda Waktu dan Warta Berita
1.00 Pentas Aidil-Fitri

### PETANG

2.00 Yang Lama di-Lupa Jangan
3.00 Keluarga Jaya
(Drama Pembangunan)
Azan Ashar
3.45 Nada Aidil-Fitri
(Instrumental)
4.00 Dulu dan Sekarang
4.30 Gema Nika Aidil-Fitri
5.00 Kesah Dalam Lagu
5.30 Tanda Waktu dan Warta Berita
5.45 Gurindam Aidil-Fitri
6.15 Mukkaddam
Bingkisan Hari Ini
Sembahyang Maghrib

### MALAM

7.00 Bingkisan Hari Labaran
(Nashid Aidil-Fitri)
7.45 Selingan Irama
Azan Isha
8.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
Berita Dusun dan Iban
8.30 Persembahan Pencharagam
9.00 Petekan Filem "Langit Tiada Selalu Cherah"
Uchapan Penuntut2 di-Seberang Laut
10.00 Tanda Waktu dan R/Berita




UNTOK menyambut Hari Raya Aidil Fitri, penuntut2 SMJA tidak ketinggalan mengambil bahagian dalam ranchangan 'Pelajar Di-Hari Raya'.



PENYANYI harapan dari Sabah, John Gaisah tidak ketinggalan menjadi penyanyi jemputan dalam ranchangan Combo RTB di-Hari Raya. Kelihatan dalam gambar, John Gaisah sedang membuat rakaman di-Studio B RTB. Sementara Md Ali Majid sedang mengawasi penyanyi tersebut.

Suntingan Hidayah
10.15 Permintaan Talipon
11.45 Bachaan Al-Koran
Doa Restu
11.59 Penutop dan Lagu Kebangsaan Negeri Brunei.

## HARI RAYA KETIGA

### PAGI

6.00 Pembukaan dan Susunan Ranchangan
6.05 Sinaran Wahyu
6.30 Dendang Hari Raya
7.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
Suntingan Hidayah
Dendang Hari Raya
8.00 Dengar-lah Melody
8.30 Untok Wanita
9.15 Undangan Dari Luar Negeri
10.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
10.15 Purba Jenaka
11.00 Berbalas Pantun

### T/HARI

12.00 Irama Joget dan Asli
Azan Dzohor
12.30 Persembahan ku
12.45 Tanda Waktu dan Warta Berita
1.00 Antara Dua Bintang
1.30 Ruangan "Ketani'

### PETANG

2.00 Senada Rama Hari Raya
2.30 Bangsawan Radio
3.15 Dari Kampong Ka-Kampong
Azan Ashar
4.15 Gambus Aidil-Fitri
4.45 Sketsa Di-Hari Raya
5.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
5.45 Dalam Kenangan
6.15 Mukkaddam
Bingkisan Hari Ini
Menunaikan Sembahyang Maghrib

### MALAM

7.00 Salam Mesra
Azan Isha
8.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
Berita Dusun dan Iban
8.30 Pencharagam Tanah Ayer
9.00 Sha'er Jenaka
9.30 Cherita Seram
10.00 Tanda Waktu dan R/Berita
Suntingan Hidayah
10.15 Permintaan Talipon 90'
11.45 Bachaan Al-Koran
Doa Restu
11.59 Penutop dan Lagu Kebangsaan Negeri Brunei.

## HARI RAYA KE-EMPAT

### PAGI

6.00 Pembukaan dan Susunan Ranchangan
6.05 Sinaran Wahyu
6.30 Dendang Hari Raya
7.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
Suntingan Hidayah
Dendang Hari Raya
8.00 Kenangan ku Di-Aidil-Fitri
9.15 Aida dan Jamalia



PENTAS Aidil Fitri, akan menemui peminat2-nya Hari Raya kedua jam 1.00 tengah hari. Penyanyi2 yang akan menghibrokan awda ia-lah Zaitun Ali (dalam gambar) Abdul Rahman Haji Tuah dan M. Alias.

10.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
10.15 Irama Aidil-Fitri
10.30 Berhari Raya dengan Orang2 Chachat
11.00 Dari Kami Di-RTB

### T/HARI

12.00 Persembahan Lagu2 Dakwah
12.15 Bachaan Al-Koran
12.30 Menunaikan Sembahyang Fardhu Jumaat
1.15 Lagu2 Qasidah
1.30 Tanda Waktu dan Warta Berita
1.45 Selamat Hari Raya

### PETANG

2.00 Dari Jauh Berkirim Salam
2.30 Jenaka Rama
3.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
3.15 Autograph Aidil-Fitri
Azan Ashar
3.45 Pentas Pelajar
4.55 Chitra Irama
5.30 Tanda Waktu dan Warta Berita
Berita Dusun dan Iban
5.45 Irama Aidil-Fitri
Mukkaddam
Bingkisan Hari Ini
Menunaikan Sembahyang Maghrib

### MALAM

7.00 Cherpen Hari Raya
7.30 Rampaian Irama
Azan Isha
8.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
8.30 Persembahan pencharagam
9.00 Uchapan Penuntut2 di-Seberang Laut (Singapura/United Kingdom)
10.00 Tanda Waktu dan R/Berita
Suntingan Hidayah
Doa Restu
10.29 Penutop dan Lagu Kebangsaan Negeri Brunei.

# Susunan ranchangan MINGGUAN RADIO

## RABU

PAGI : 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Sinaran Wahyu; 6.30 — Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Bengkel Radio (SU); 8.30 — Permintaan Pagi Rabu; 9.30 — Lagu dan Senikata; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Surat dari London; 10.30 — Autograph Pendengar; 11.00 — Teman Mekar; 11.30 — Bingkisan Tanah Ayer — Azan Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Penyanyi Harapan; 1.30 — Menjelang Rehat. PETANG : 2.00 — Siaran Melayu di-tamatkan. 5.00 — Untok Belia; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Senandong Asli; 6.00 — Mukkaddam, Azan Bingkisan Hari ini/Menunaikan Sembahyang. MALAM : 7.00 — Seiring Jalan; 7.30 — Siswazah Brunei (SU); 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Melayu, Dusun, Iban; 8.30 — Permintaan Sukaramai; 9.30— Salam Mesra (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Suntingan Hidayah, Bachaan Al-Koran; 10.25 — Doa Restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## KHAMIS

PAGI : 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Sinaran Wahyu; 6.30 — Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Rampaian London; 8.15 — Hiboran; 8.30 — Melody Adek Ku (SU); 9.00 — Dendang Antarabangsa; 9.30 — Rampai Sari Hiboran (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Selingan 10.30 — Permintaan Sukaramai; 11.30— Sinar Chahaya. T/HARI : 12.00 — Lagu2 Melayu Asli, Azan Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Chitrawara; 1.30—Mari Menyanyi; 1.45 — Menjelang Rehat. PETANG : 2.00—Siaran Melayu di-tamatkan. 5.00 — Majallah Ugama/Petikan Soal Jawab Ugama; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Tafsir Al-Koran; 6.15 — Mukkaddam, Menunaikan Sembahyang Maghrib. MALAM : 7.00 — Permainan Gambus; 7.30 — Bimbingan Al-Koran, Azan Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Melayu, Dusun, Iban; 8.30 — Sandiwara Radio (SU); 9.00 — Hidayat; 9.30 — Tetamu Minggu ini (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Suntingan Hidayah, Bachaan Al-Koran, 10.20 — Doa Restu, 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## JUMAAT

PAGI : 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Sinaran Wahyu; 6.30 — Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Pertanian dan Perikanan; 8.30 — Mari Menyanyi (SU); 8.45 — Selingan Irama; 9.00 — Pelajaran Dewasa Di-Udara; 9.30 — Tafsir Al-Koran (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Soalan Di-Udara; 10.30 — Dari Kampong Ka-Kampong; 11.00 — Bimbingan Al-Koran (SU); 11.30 — Keluarga Jaya. T/HARI : 12.00 — Lagu2 Dakwah; 12.15 —Bachaan Al-Koran; 12.30 — Menunaikan Sembahyang Fardhu Jumaat; 1.15 — Qasidah; 1.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45 — Permainan Gambus (SU). PETANG : 2.15 — Varia Peristiwa; 2.30 — Ruangan Kitani; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15 — Apa Pendapat Awda; 3.30 — Panorama Tanah Ayer, Azan Asar; 4.00 — Kuiz Ka-Sekolah2; 4.30 — Chitrawara (SU); 5.00— Rakaman Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 6.00 — Mukkaddam, Bingkisan Hari ini, Menunaikan Sembahyang Maghrib. MALAM : 7.00 — Cherpen dan Salokan; 7.30 — Gurindam Lagu (SU); 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Melayu, Dusun, Iban; 8.30 — Mari Berpantun/Berbalas Pantun (SU); 9.00 — Permintaan Sukaramai; 9.30 — Majallah Ugama/Petekan Soal Jawab Ugama (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Suntingan Hidayah, Bachaan Al-Koran; 10.20 — Doa Restu; 10.30

## SABTU

PAGI : 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Sinaran Wahyu; 6.30 — Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 Soalan Di-Udara; 8.30 — Dendang Antarabangsa; 9.30 — Apa Pendapat Awda (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Waria Peristiwa (SU); 10.30 — Sa-Iring Jalan (SU); 11.00 — Panorama Tanah Ayer (SU); 11.30 — Berdendang Dengan Ku. T/HARI : 12.00 — Rampaian Tengahari, Azan Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Permintaan Hujong Minggu. PETANG : 2.00 — Pelajaran Dewasa Di-Udara (SU); 2.30 — Lagu dan Senikata (SU); 3.00 — Hiboran Pilehan; 3.30 — Cherpen dan Salokan,Azan Asar; 4.00 — Chitra Irama; 4.30 — Tunas Pendidek; 5.00 — Dunia Minggu Ini; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Senandong Lagu2 Lama; 6.00 — Siri Mukkaddam, Bingkisan Hari Ini, Menunaikan Sembahyang Maghrib. MALAM : 7.00 — Dari Kampong Ka-Kampong (SU); 7.30 —Treo Combo Band/Suara Berhormoni, Azan Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Melayu, Dusun, Iban; 8.30 — Purbawara (Diang Dangan); 9.00 — Dari Sekolah Ka-Sekolah; 9.30 — Titian Sastera/Budaya Kita; 9.45 — Senandong Malam; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Pimpinan Illahi, Bachaan Al-Koran, Doa Restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## AHAD

PAGI : 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Sinaran Wahyu; 6.30 — Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Dunia Wanita; 8.30 — Pesta Pop; 9.00 — Taman Mekar; 9.30 — Apa Pilehan Awda; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Titian Sastera/Budaya Kita; 10.30 — Pencharagam Tempatan; 11.00 — Siswazah Brunei; 11.30— Album Penyanyi. T/HARI : 12.00 — Sandiwara Radio, Azan Dzohor; 12.30 — Hiboran Rampaian; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Combo RTB/Bintang Kechil; 1.45 — Pilehan Instrumental. PETANG : 2.00 — Pulis Diraja; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15 — Mari Berpantun/Berbalas Pantun, Azan Asar; 3.45 — Sokan dan Olahraga; 4.15 — Dari Sekolah Ka-Sekolah (SU); 4.45 — Pilehan Juruhebah; 5.00 — Rakaman Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 6.00 — Mari Berzikir; 6.15 Bingkisan Hari Ini, Azan Maghrib, Menunaikan Sembahyang Maghrib. MALAM : Suara Parajurit, Azan Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, Melayu, Dusun, Iban; 8.30 — Gurindam Jiwa; 9.00 — Bengkel Radio; 9.30 — Permintaan Sukaramai; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Suntingan Hidayah; 10.07 — Bachaan Al-Koran; 10.20 Doa Restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## ISNIN

PAGI : 6.00—Aliah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Sinaran Wahyu; 6.30 — Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Suara Poli Diraja (SU); 9.00 — Rampai Sari Hiboran; 9.30 — Antarabangsa (Duty Ann); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Berdendang Dengan Ku; 10.30 — Sains dan Perusahaan; 11.00—Hiboran; 11.30 — Bingkisan Tanah Ayer (SU). T/HARI : 12.00 — Komintar Radio; 12.15 — Rampaian T/Hari, Azan Dhozor; 12.30 — Rampaian Tengah Hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Permintaan Sukaramai. PETANG : 2.00 — Siaran Melayu di-tamatkan. 5.00 — Keluarga Si-Awang; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Senandong Lagu2 Lama; 6.00 — Mukkaddam, Bingkisan Hari Ini, Menunaikan Sembahyang Maghrib. MALAM : 7.00 — Penyanyi Harapan; 7.30 — Tunas Pendidek, Azan Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Melayu, Dusun, Iban; 8.30 — Chitra Irama; 9.00— Pertanian dan Perikanan; 9.30 — Dendang Muzika Melayu; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Suntingan Hidayah, Bachaan Al-Koran—Doa Restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## SELASA

PAGI : 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Sinaran Wahyu; 6.30 — Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Suara Parajurit (SU); 9.00 — Permintaan Untok Wanita; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Rampaian London; 10.30 — Melody Adek-ku; 11.00 — Hiboran; 11.30 — Salam Mesra. T/HARI : 12.00 — Hiboran Tengahari, Azan Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Tamu Minggu ini; 1.30 — Ku sampaikan Salam. PETANG : 2.00 — Siaran Melayu di-tamatkan. 5.00 — Rakaman Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Hiboran Petang; 6.00 — Mukkaddam, Bingkisan Hari Ini, Menunaikan Sembahyang Maghrib. MALAM : 7.00 — Ruangan Ketani (SU); 7.30 — Album Penyanyi (SU), Azan Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita—Melayu. Dusun, Iban; 8.30 — Pencharagam (SU); 9.00 — Dunia Wanita (SU); 9.30 — Keluarga Jaya (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Suntingan Hidayah, Bachaan Al-Koran; 10.20 — Doa Restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

### APA PILEHAN AWDA



PESERTA yang mendapat giliran untok memileh sa-banyak tujoh buah lagu kali ini, ia-lah Dayang Jamiah bte Haji Raub, beralamat No. 14 Kampong Kiulap, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Lagu2 pilehan Dayang Jamiah melalui Ranchangan Apa Pilehan Awda, akan dapat di-ikuti pada malam ini jam 9.30 malam dan siaran ulangan-nya pada hari Khamis, jam 8.30 pagi.

# RANCHANGAN RADIO BAHAGIAN INGGERIS

## WEDNESDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement—Lunch Music. NOON : 12.00 — Melody Time. PM : 12.30 — News; 12.45 — International Money Programme; 1.00 —The Big Band Sounds; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Midweek Greetings by Jaafar Yaakub; 8.45 — Dateline; 9.15 — News; 9.30 — It's All Yours by Ideris Ali; 10.00 — Close Down.

## THURSDAY

AM : 6.50 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Thursday's Bandwagon; 11.45 — World of Education. NOON : 12.00 — My Music; 12.30 — News; 12.45 — Music from the Movies with Viviyanti Ali; 1.15 — Curious But True by Nafisah Haji Ali; 1.30—Close Down. 8.00—Opening Announcement — Sixty Minutes Theatre: "Badger by Owl-Light" by Edward Boyd; 9.00 — Brunei Cameos (repeat); 9.15 — News; 9.30 — International Prize Winners of the ARD Music Competition in Munich, Programme 5: "E Krapp"; 10.00 — Close Down.

## FRIDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — English Literature for 'O' Level — Great Expectations : Programme 1; 11.45 — Light Music from the Netherlands. NOON : 12.00—Radioscope by Taju'l Ahmad. PM : 12.30 — News; 12.45 — The Palm Court Trio; 1.15 — The Early Days of Flying Part 1: "Off The Ground" 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Curious But True by Nafisah Haji Ali (repeat); 8.15 — Calling On You by Sheikh Abbas; 9.00 — BBC World Report; 9.15 — News; 9.30 — The Hunting of Hobstones by Phil Smith; 10.00 — Close Down.

## SATURDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — The Hitch Hiker's Guide to the Galaxy; 11.30 International Call. NOON : 12.00—Stringsound. PM : 12.30—News; 12.45 Nice to Know You by Jaafar Yaakub; 1.15 — BBC World Report; 1.30—Close Down. 8.00— Opening Announcement—The Practical World; 8.15 — Saturday Mail Bag presented by Charan Chand; 9.00 — Book Club: Taken at The Flood by Agatha Christie; 9.15 — News; 9.30 — Top of The Pops; 10.00 — Close Down.

## SUNDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Children's Half Hour by Veronica Shim; 11.30 — Women's World by Charan Chand. NOON : 12.00 — Top of the Pops (repeat). PM : 12.30 — News; 12.45 — Rock Line; 1.00 — Belait At One by Andrew Pastouna and Ideris Ali; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Music from the Movies with Viviyanti Ali (repeat); 8.30— Perspective; 8.45 — The Young Sound by Tajul Ahmad; 9.15 — News; 9.30 — Sunday Night's Special with Ideris Ail; 10.00 — Close Down.

## MONDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Hello Tomorrow; 11.30 — Music-Go-Round. NOON : 12.00—I am Sorry I'll read that again. PM : 12.30—News; 12.45 —Science Potpourri produced by Jaafar Yaakob: 1.15 — Brunei Cameos; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Great Expectations Prog 2 (repeat); 8.45— Monday's Night Mail by Ak Hisamuddin Pg Yaakob; 9.15 — News; 9.30 — The World of Books; 10.00 — Close Down.

## TUESDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Anita Sarawak Concert Part 1; 11.15 — Idil Fitri Instrumental. NOON : 12.00 — Just A Minute. PM : 12.30—News; 12.45 — Strictly Instrumental; 1.00 — A Short Guide to Musical Instrument Prog "The Violin"; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Stereo Pop Special "Steve Hillage"; 8.30 — Radioscope (repeat); 9.00 — Your World; 9.15 — News; 9.30 — Belait at One (repeat); 10.00 — Close Down.

# 133 ORANG PENUNTUT AKAN HADHIRI KURSUS SIVIK

SA-RAMAI 113 orang penuntut Brunei di-seberang laut yang kini sedang berchuti di-tanah ayer, akan mengikuti Kursus Sivik pada 24hb Ogos ini. Kursus sa-lama lima hari itu akan di-adakan di-Pusat Belia Bandar Seri Begawan.

Kursus tersebut di-anjorkan oleh Bahagian Penerangan Jabatan Setia Usaha Kerajaan dengan kerjasama Jabatan2 Pelajaran, Hal Ehwal Ugama dan Kebajikan, Belia dan Sokan.

Berikut ia-lah nama2 penuntut2 yang akan mengikuti kursus tersebut. Mereka ada-lah di-kehendaki mendaftarkan diri di-Pusat Belia pada 24hb Ogos di-antara jam 3.00 petang hingga 5.00 petang.

Dayang Rebecca @ Fung Gook Geeh, No. 1, Kampong Sabun Muara; Dayang Lim Siew Yen, No. 33, Batu 7¾, Kampong Sungai Hanching, Jalan Muara; Dayang Jenny Wong, Tan Chu Liang Flat B-1, Kampong Mabohai, Bandar Seri Begawan; Mohd Yusof bin Haji Mohd Ja'afar, No. 47, Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan; Abu Nipah bin Kura, No. 35, Kampong Keriam, Tutong; Zuriah bte Ibrahim, No. 57 Batu 5½, Jalan Tutong; Ainon bte Haji Abdullah, No. 13, Kampong Delima Satu, Jalan Muara; Simah bte Haji Yusof Khan, No. E2, Jalan Ong Sum Ping, Bandar Seri Begawan; Zaitonah bte Othman, LB.768, Kampong Kumbang Pasang, Bandar Seri Begawan; Maslina bte Osman, No. 2077, Jalan Tanjong Lurus, Kuala Belait; Mail @ Ismail bin Ongsang, No. 31, Kampong Jangsak, Kilanas; Rosli bin Mustafa, No. 49, Kampong Bukit Salat, Bandar Seri Begawan.

Ak Omarali bin Pg Mohamad, LB.622, Jalan Kumbang Pasang, Bandar Seri Begawan; Mohammad bin Burut, No. 2 Kedai Kampong Perpindahan, Jaya Setia, Berakas; Mohamad bin Penglima Asgar Haji Abdullah, No. 95, Kampong Delima Satu Jalan Muara; Abdul Kassim bin Haji Sapar, No. 29, Kampong Lumapas, Brunei; Ismawi bin Kifli, C-19, Jalan Dato Marsal, Bandar Seri Begawan; Norsham bte Haji Yahya, No. 23, Kampong Bengkurong, Jalan Tutong; Sigar bin Labau, No. 12, Kampong Parit, Temburong; Remang bin Jambu @ Jamboh, No. 9, Kampong Panchong, Tutong; Rakiah bte Amit, No. 1, JHEU, Kilanas, Batu 7½, Jalan Tutong; Awang Yong Fook, No. 3, Kampong Mitus, Tutong; Dk Siti Awa bte Pg Bakar, No. 52, Kampong Delima Satu, Jalan Muara.

Hadijah bte Hassan, Kampong Sungai Buloh, Batu 12, Jalan Kota Batu; Zailani bin Luar @ Kuyu bin Luar, No. 8, Kampong Layong, Tutong; Ak Haji Osman bin Pg Haji Taha, No. 10, Kampong Saba Ujong, Bandar Seri Begawan; Ak Omar bin Pg Haji Damit, No. 53, Kampong Delima Dua Berakas; Ramli bin Trokie, No. 102, Kampong Sumbiling Lama, Bandar Seri Begawan; Dk Rukiah bte Pg Muhidi, No. 94, Kampong Lambak, Brunei; Jeliha @ Halimah bte Harry, E19/4, Lorong 3, Seria; Sh Jamaludin bin Sh Mohamed, No. 39, Jalan Sultan, Bandar Seri Begawan; Etuala bin Setia, No. 2, Kampong Pak Babau Bukit Sawat, Ulu Belait; Amit bin Haji Daud, No. 27, Kampong Tanjong Bunut, Bt 9, Jalan Tutong; Salleh bin Puasa, No. 37, Kg Jerudong, Brunei.

Ismail bin Chuchu, No. 56, Kampong Serdang, Jalan Kota Batu; Patera bin Madil, No. 129, Kampong Lumapas, Brunei; Mahani bte Abang Haji Gazali, No. 33, Kampong Batu 18, Jalan Tutong; Ali bin Haji Mohd Yusof; No. 15, Kampong Pengkalan Batu, Brunei; Dayang Teo Chee Siong, Lot No. 2351, Jalan Pandan Dua, Kuala Belait; Abd Kadir bin Awang Hidup, No. 162, Kampong Tasek Maradun, Batu 5½, Jalan Tutong; Rosli bin Zulkifli, No. 24A, Kampong Luagan Dudok, Tutong; Normah bte Buntar, No. 39, Kampong Pengkalan Batu, Brunei; Haji Abd Wahab bin Haji Tuah, Kedai No. 5, Muara; Mohamad Baizuri bin Haji Abd Manap, LB. 1109, Jalan Mabohai, Bandar Seri Begawan; Mohd. Yaakub bin Ahmad, No. 45, Kampong Kiulap, Bandar Seri Begawan.

Damit bin Lias, No. 44, Kampong Pengkalan Batu, Brunei; Intan bte Maidin, c/o PC 1295, Nikmah bte Maidin, Wireless Operator Balai Pulis Diraja Brunei Bandar Seri Begawan; Awg Kah Yong Chu, No. 2, Kampong Sungai Damit, Pemadang, Tutong; Kuli @ Asmadee bin Kayong, No. 4, Kampong Panchong, Tutong; Madam bin Musing, No. 35, Kampong Bukit Udal, Tutong; Salamah bte Md Yusof, Kampong Danau, Tutong; Jumat bin Rajid; No. 35, Kampong Tanjong Bunut, Bt. 9, Jalan Tutong; Awg Tan Kha Sheng, LB133, Batu 2, Jalan Tutong.

Awang Yed Boon Seng, No. 1, Kampong Petani, Tutong; Abdul Manan bin Kamis, No. 91, Batu 15, Kampong Kupang, Jalan Tutong; Mohd Tali bin Abd Rahman, No. 71, Kampong Lurong Sekuna, Bandar Seri Begawan; Zainal Abidin bin Abd Latif, No. 25, Kampong Sungai Hanching, Jalan Muara; Yakob bin Haji Yusof, G19/29B, Lurong 3½, Seria; Mustapha bin Sirat, No. 28, Kampong Sungai Kedayan 'A', Bandar Seri Begawan; Mariah bte Haji Kamis, No. 4, Kampong Danau, Tutong; Balim bin Bali @ Balli, No. 20, Kampong Piasau2 Labu, Temburong; Hasmah bte Haji Yakub, No. 31, Kampong Luagan Dudok, Tutong; Kelias bte Tujoh, No. 32, Kampong Jerudong, Brunei; Metali bin Apong, No. 36, Kampong Tungku, Gadong.

Haji Mohammad bin Hashim @ Hassim, No. 22, Kampong Luagan Timbaran, Tutong; Omar bin Haji Yaakub, No. 29, Kampong Lupak Luas, Brunei; Seroja bte Siau, No. 2, Kampong Panchor Murai, Tutong; Muhaimin bin Haji Mohamed, No. 7, Kampong Burong Pingai Berakas; Ak Md Tahir bin Pg Yussof, No. 84, Kampong Selayon, Sengkurong; Ak Yunus bin Pg Mahmud, Lot, 4172, Batu 1½ Kuala Belait; Zahrah bte Awang Yaakub, No. 141-B Jalan Bedil Kampong Lambak, Berakas; Ak Zainal Ariffin bin Pg Haji Ahmad, LB758, Jalan Gadong, Bandar Seri Begawan; Dayang Tan Bee Yong, No. 43 Jalan Sultan, Bandar Seri Begawan.

Jocelyn Song Bee Moi @ Song Mei Moi, No. 49, Kampong Kiudang, Tutong; Awg Cheong Huat Joo, LB. 29, Kampong Pusar Ulak, Bandar Seri Begawan; Ismail bin Hitam, No. 39, Kampong Pengiran Pemancha Lama, Bandar Seri Begawan; Abd Ghani bin Haji Abdul Kadir, Lot No. 2001, Jalan Perakong, Seria; Radiah bte Hamdan, No. 2420, Jalan Laksamana, Kuala Belait; Ibrahim bin Haji Abdul Rahman, No. 4 B20, Anggerek Desa Plat Berakas; Suhaila bin Haji Abd Karim, No. 65, Kampong Salambigar, Jalan Muara; Ak Abd Rahman bin Pg Mat Salleh, No. 123, Kampong Tasek Maradun, Batu 6, Jalan Tutong; Md Said @ Omar bin Haji Damit, 10B, Kampong Manggis Satu, Jalan Muara; Dk Fatimah bte Pg Haji Jadid, 54, Kampong Delima Dua Berakas.

Shofry bin Ghafor, No. 25, Kampong Kapok, Jalan Muara; Husni bte Awang Matusin, No. 36, Kampong Labu Estate, Temburong; Ramlee bin Abd Rahman @ Sim Boon Lee, Lot 233, Kampong Gana, Sungai Liang, Kuala Belait; Tahira bte Muhammad Shariff, Lot No. 4032, Jalan Pandan Empat, Kuala Belait; Dk Rosidah bte Pg Metussin, No. 113, Batu 2½, Jalan Gadong; Haniah @ Hamiah bte Haji Md Jamil, B-1, H.H. Flat, Jalan Kumbang Pasang, Bandar Seri Begawan; Zaharah bte Kamis, No. 60, Kampong Sungai Hanching, Jalan Muara; Saadiah bte Bangkol, No. 43, Kampong Lambak, Berakas; Masanayati bte Md Said, No. 156 'A' Jalan Bendahari, Kuala Belait; Dk Basmillah bte Pg Haji Abas, No. 112, Kampong Tasek Meradun, Batu 4, Jalan Tutong.

Ak Sahari bin Pg Salleh, E19, No. 6, Lurong 3, Seria; Md Zeni bin Latif @ Latip, No. 26, Kampong Rantan Labi, Kuala Belait; Hjjh. Junaidah bte Haji Abu Bakar, No. 107, Kampong Tasek Meradun, Jalan Tutong; Zaliaha @ Zaliha bte Haji Talip Lot No. 3569, Batu 3, Jalan Seria, Kuala Belait; Awang Mohaimin bin Abd Latip, H19/12A, Lurong 3½, Seria; Ak Tajuddin bin Pg Salleh, F35A, Jalan Lintang, Bandar Seri Begawan; Yahya bin Mirasan, No. 92, Kampong Selayon Sengkurong, Brunei; Zuraidah bte Mohd Hanifah, No. 72, Kampong Suran Tutong; Sakdiah bte Ladi, No. 11, Kampong Burong Pingai (Ayer), Bandar Seri Begawan.

Halimuddin bin Haji Ahmed Yunus, No. 20, Jalan Serasa Muara; Salamah bte Janda, No. 27, Kampong Sumbiling Baru, Bandar Seri Begawan; Awang @ Azashibul bin Zainal Abidin, Lot 4184, Jalan Pandan Kuala Belait; Mohd Don bin Awang Bakir, No. 38, Kampong Lambak, Berakas; Sabli bin Haji Metusin, No. 57, Kampong Buang Sakar, Brunei; Aishah bte Azri C.8, Jalan Bahagia, Bandar Seri Begawan; Hasnah bte Azri, C.8, Jalan Bahagia, Bandar Seri Begawan; Ak. Sabri bin Pg Mohammad, No. 56, Kampong Tasek Meradun, Jalan Tutong; Ak Abd Rahman bin P.S.I. Pg Haji Ismail, LB640, Jalan Kumbang Pasang, Bandar Seri Begawan; Ak Matarshad bin Pg Ja'afar, No. 12, Kampong Burong Pingai, Berakas; Dk Saliah bte Pg Ismail, No. 96, Batu 2, Jalan Gadong.



TABONG Derma Anak2 Yatim Daerah Brunei dan Muara telah menerima tiga sumbangan derma yang berasingan yang berjumlah $200.00 pada minggu lalu.

Sumbangan derma yang berjumlah $100.00 telah di-berikan oleh Awang Chuchu bin Mohammad (gambar atas), dan sumbangan kedua dan ketiga yang masing2 berjumlah $50.00 telah di-dermakan oleh Awang Jair bin Piut dan Awang Raub Khan.

Ketiga2 sumbangan derma tersebut telah di-terima oleh Yang Amat Mulia Pengiran Indera Makhota Pengiran Muda Kamaluddin Al-Haj, Pengerusi Tabong Derma Anak2 Yatim Daerah Brunei dan Muara bertempat di-Pejabat Perpindahan di-ibu negeri di-sini pada hari Khamis lalu.

## Expo Pertanian: Daftarkan barang2 yang akan di-pertandingkan lebeh awal

KILANAS. — Jawatankuasa Expo Pertanian 1980 ingin mengumomkan kapada orang ramai, khasnya para peladang bahawa mereka yang ingin menyertai achara pertandingan hasil2 ladang, anyam2an dan masak2an di-Expo Pertanian 1980, di-Steshen Pertanian Kilanas, Batu 10, Jalan Tutong pada hari Ahad, 31hb Ogos 1980 hendak-lah mendaftarkan barang2 pertandingan mereka kapada pegawai pengembangan pertanian yang bertugas di-kampong mereka atau steshen/pejabat pertanian yang berdekatan tidak lewat dari hari Sabtu 23hb Ogos, kechuali padi yang mesti di-daftar dan di-serahkan kapada Pegawai Pengembangan Pertanian yang bertugas di-kampong mereka atau di-Steshen/Pejabat Pertanian yang berdekatan tidak lewat dari hari Sabtu 16hb Ogos 1980.

Jawatankuasa tersebut juga ingin mengumomkan kapada bakal para peserta bahawa sayor2an, masak2an dan barang2 seumpama-nya yang tidak tahan lama mesti-lah di-serahkan kapada pegawai2 yang bertugas di-kawasan pertandingan di-Steshen Pertanian Kilanas sebelum 6.30 pagi pada hari Ahad 31hb Ogos 1980, manakala barang2 lain yang tahan lama (kechuali padi) mesti-lah di-serahkan di-antara jam 7.30 pagi dan 8.00 malam pada hari Sabtu, 30hb Ogos 1980.

Peserta2 yang memerlukan kenderaan Jabatan Pertanian untok membawa barang2 pertandingan mereka ka-kawasan pertandingan di-Steshen Pertanian Kilanas hendak-lah menghubongi kapada Pegawai Pengembangan Pertanian yang berdekatan. Oleh kerana sebab2 yang tertentu Jabatan Pertanian tidak akan bertanggongjawab ka-atas pengangkutan binatang2 ternakan besar saperti kerbau, lembu dan kambing dari Daerah Temburong dan kawasan2 lain yang tidak dapat di-hubongi oleh jalanraya atau mempunyai perhubongan jalanraya yang sukar.

## Berkursus ka-S'pura

BERAKAS. — Sa-orang lagi anggota Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei, akan berlepas ka-Singapura pada 19hb Ogos 1980 untok mengikuti satu kursus di-sana.

LCpl Osman bin Metassan dari Armed Recce Squadron, akan mengikuti kursus Vehicle Electrician NCO Klass II di-SAF Ordnance School, Ayer Raja Camp III, Singapura.

Kursus tersebut akan bermula pada 20hb Ogos dan di-jangka akan berakhir pada 30hb September 1980.

## Kadet2 AMDB ikuti kursus

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 13 orang Ahli2 Pasokan Brunei Kadet Askar Melayu Diraja Brunei akan mengikuti berbagai kursus di-Republik Singapura bulan Ogos depan.

Ahli2 Pasokan Brunei Kadet itu akan mengikuti kursus selama 20 hari iaitu bermula dari 14hb Ogos hingga 2hb September. Mereka akan di-tempatkan di-Outward Bound School Pulau Ubin Singapura.

Mereka yang mengikuti kursus itu ia-lah WO2 Embran bin Hj Jaluddin; Anuar bin Osman; Mohd Yusof bin Hj Ahad; Mohd Bahrain bin Kassim; Bangau bin Lopat; Ak Mokmin bin Pg Abd Rahman; Ak Sufree bin Pg Haji Tuah; Hanafiah bin Japar; Mohd Esa bin Awg Moktal; Gurkha Yong; Ak Kamarolzaman bin Pengiran Damit; Awang Idris bin Bakar dan Ak-Kamarolshah bin Pg Mohammad.

Mereka akan berlepas ka-Singapura pada hari Khamis 14hb Ogos 1980.

## Tarikh penutop di-tunda kapada 12hb Ogos

BANDAR SERI BEGAWAN.—Jawatankuasa Tetap Penyelarasan Drama mengumomkan bahawa tarikh tutop bagi Peraduan Menulis Skerip Drama Radio dan Pentas akan di-lanjutkan sa-hingga 12hb Ogos 1980 depan.

Sa-takat ini Jawatankuasa itu telah pun menerima beberapa buah skerip dalam peraduan Menulis Skerip Drama Radio dan Pentas.

Sementara itu, jawatankuasa itu juga telah menerima sa-jumlah 25 buah skerip drama talivishen untok di-hakimkan yang mana tarikh penutopan peraduan ini telah berakhir pada 12hb Julai lalu.

Sa-buah penal hakim yang terdiri daripada tiga orang ahli telah di-lantek untok menghakimkan peraduan tersebut. Keputusan penoh peraduan ini di-jangka akan dapat di-umomkan sa-lewat2-nya pada akhir bulan Ogos depan.

## Angka tunjok barang pengguna

BANDAR SERI BEGAWAN.—Angka tunjok harga barang2 pengguna untok bulan Jun 1980 ia-lah 115.8 mata berbanding dengan 115.1 bagi bulan yang terdahulu ia-itu meningkat sa-banyak 0.6 peratus. Angka ini juga menunjokkan kenaikan sabanyak empat peratus dari bulan yang sama pada tahun lalu.

Kenaikan kechil pada angka tunjok bulan Jun itu ada-lah terutama-nya disebabkan oleh kenaikan bayaran atau harga beberapa jenis barang makanan, pakaian dan kasut dan lain2 alat2 perabot, insuran kereta, barang2 optik, buku2, majalah2 dan pemeliharaan diri dan peralatan2-nya.

Bagaimana pun angka tunjok ikan telah turun lagi bagi ketiga kali-nya dalam tahun ini di-sebabkan oleh kemerosotan permintaan hasil2 keluaran laut mentah. Sementara angka tunjok harga bagi sewa kasar, bahanapi dan tenaga pula maseh tetap tidak berubah dalam tempoh tersebut.

# Peraduan2 kereta, basikal berhias dan tanglong

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei ke-34 tahun 1980 bagi Daerah Brunei-Muara akan menganjorkan Peraduan Kereta Berhias, Basikal Berhias, Pakaian Beragam Siang dan Malam, dan Tanglong Berjalan Kaki, yang akan di-adakan pada 16hb September, 1980 yang akan datang.

Peraduan Kereta dan Basikal Berhias ini terbuka kapada Jabatan2 Kerajaan, Sharikat2 Perniagaan, Persatuan2 Belia dan Kebajikan, dan gabongan2 atau orang2 perseorangan.

Peraduan Perarakan Tanglong di-bahagikan kapada lima bahagian ia-itu bahagian Persatuan2 Belia/Kebajikan; Kampong2; Pejabat2 Kerajaan/Sharikat2 Perniagaan; Maktab2/Sekolah Menengah; dan Sekolah2 Rendah.

Peraduan Pakaian Beragam pula ada-lah terbuka pada Persatuan2 Belia/Kebajikan, Maktab2/Sekolah Menengah, Sekolah2 Rendah dan orang2 perseorangan.

Hadiah2 yang berupa wang-tunai, piala2, oskar2 rebutan dan iringan ada-lah di-sediakan bagi pemenang2 dan peserta2 dalam semua bahagian.

Borang2 penyertaan boleh di-dapati daripada Pengerusi Peraduan Pg Haji Mohammed bin Pg Badar, di-Ibu Pejabat Perubatan dan Kesihatan, Brunei atau daripada Setiausaha Peraduan, Pg Hj Abd Momin bin Pg Damit di-Pejabat Penchen2 Negara, Brunei, dan hendak-lah di-kembalikan sa-belum 8hb September, 1980.

## Memuchang-muchang berseh perkuboran

LUMAPAS. — Satu kerja memuchang-muchang bagi membersehkan tanah perkuboran orang2 Islam di-Tunjok Langit Kampong Lumapas di-Daerah Brunei dan Muara telah di-lancharkan pada pagi hari Jumaat lepas.

Projek memuchang-muchang tersebut telah di-kendalikan oleh pendudok2 Kampong Lumapas A dan B. Ia-nya telah di-ketuai oleh Ketua Kampong Lumapas A, Awang Haji Kamis bin Orang Kaya Kesuma Haji Mohd Tahir dan Ketua Kampong Lumapas B, Awang Haji Abas bin Lamit.

Sementara itu pada hari Ahad lalu, Persatuan Pertiwi dan Pertubohan Perempuan chawangan Belait telah melancharkan projek memuchang-muchang bagi membersehkan Masjid Labi Daerah Belait.

# Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan bersama2 dengan harga runchit yang telah di-persetujui oleh Pengawal Harga bagi panduan orang ramai di-musim peraya'an yang akan datang nanti saperti berikut : —

| JENIS BARANG2 | HARGA RUNCHIT | | JENIS BARANG2 | HARGA RUNCHIT | |
|---|---|---|---|---|---|
| Coffee Powder Bird Brand | 10 tahil | $ 6.80 | | 2.5 ,, | 18.40 |
| | 5 ,, | 3.40 | Lactogen with Honey/ | | |
| | 2½ ,, | 1.70 | Lactogen Full Protein | 1 kg. | 6.45 |
| Coffee Powder Chap Bus | 12 ,, | 4.90 | | 2 ,, | 12.40 |
| | 6 ,, | 2.50 | Everyday Standard | 1 ,, | 5.65 |
| Nescafe CTI | 50 gms. | 3.40 | | 2 ,, | 10.60 |
| | 100 ,, | 6.50 | Everyday Instant | 1 ,, | 6.75 |
| | 250 ,, | 15.00 | Nan | 500 gms. | 6.75 |
| | 500 ,, | 28.70 | | 1 kg. | 11.50 |
| Nescafe Cold Brand | 100 gms. | 9.70 | Pelargon | 500 gms. | 4.50 |
| Nescafe Blend "37" | 100 ,, | 8.70 | | 1 kg. | 8.50 |
| Milo | 13 ,, | 0.15 | | 2 ,, | 16.15 |
| | 250 ,, | 2.15 | Barkath Icing Sugar | 1 lb. | 1.50 |
| | 500 ,, | 4.05 | Barkath Castor Sugar | 1 lb. | 1.50 |
| | 1.5 kg. | 10.70 | Beyes Icing Sugar | 1 lb. | 1.20 |
| OVALTINE : | | | Beyes Castor Sugar | 1 lb. | 1.20 |
| a) Malt Ovaltine (OM) | 250 gms. | 2.15 | Butter Cookies "Kerinas" | 1 lb. | 5.50 |
| | 500 ,, | 4.05 | Butter Cookies "C and C" | | |
| | 1.5 kg. | 10.70 | (in packet) | 7 ozs. | 1.80 |
| b) Ovaltine with | | | Pringles Potato Chips | 4½ ozs. | 1.80 |
| Honey (OH) | 500 gms. | 4.05 | Nellys Crunchios Potato | | |
| | 1 kg. | 7.70 | Rings | 4½ ozs. | 2.10 |
| Horlicks | 200 gms. | 1.65 | | 8 ozs. | 3.80 |
| | 400 ,, | 3.30 | Lays Potato Chips | 5 ozs. | 2.00 |
| | 1,200 ,, | 9.60 | | 8 ozs. | 5.50 |
| | 2000 ,, | 15.40 | Raffles Potato Chips | 3½ ozs. | 2.10 |
| Nespray Instant | 2 lbs. | 7.50 | | 10 ozs. | 5.80 |
| | 5.5 ,, | 16.90 | Frjtos Corn Chips | 5 ozs. | 1.30 |
| | 400 gms. | 3.10 | Cauliflower 'Molinera" | 1 lb. | 1.30 |
| | 500 ,, | 4.40 | | 800 gms. | 2.60 |
| | 1 kg. | 8.10 | Ritz Cracker Biscuits | 7 ozs. | 1.80 |

Orang ramai ada-lah di-harap memberikan kerjasama atau melaporkan kapada pehak yang berkenaan talipon 25555, Yunit Peranchang Ekonomi, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, mana2 kedai yang tidak mengikut harga2 yang di-sebut di-atas bagi penyiasatan sa-lanjut-nya.

# Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 6hb hingga 12hb Ogos 1980

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Serasa | 6.8.1980 | Rabu | 10.00–10.30 pagi |
| Sekolah Melayu Mentiri | 6.8.1980 | Rabu | 10.45–11.15 ,, |
| Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar | 6.8.1980 | Rabu | 11.30–12.00 T/Hari |
| Sekolah Melayu Birau | 9.8.1980 | Sabtu | 1.30– 2.30 petang |
| Sekolah Melayu Kiudang | 9.8.1980 | Sabtu | 2.45– 3.45 ,, |
| Sekolah Melayu Lamunin | 9.8.1980 | Sabtu | 4.00– 5.00 ,, |
| Maktab Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara | 11.8.1980 | Isnin | 1.45– 2.45 ,, |
| Sekolah Melayu Haji Muhammad Salleh, Sungai Hanching | 11.8.1980 | Isnin | 3.00– 4.00 ,, |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Menengah) | 12.8.1980 | Selasa | 9.15–10.15 pagi |
| Sekolah Melayu Anggerek Desa | 12.8.1980 | Selasa | 10.30–11.30 ,, |

# RANCHANGAN TVP

## DARI 11HB HINGGA 16HB OGOS

### ISNIN — 11HB OGOS

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG 146
Ranchangan kali ini di-isikan dengan aktiviti2 saperti RUANGAN BERLAKON, KERJA TANGAN, BOLA TUMBOK, SI-MANIS, AMIN dan GAMBAR dan SEBUTAN.
Di-ruangan KERJA TANGAN Chegu Sa'diah akan menunjokkan chara2 membuat tanglong dari pada kertas.
SI-MANIS berpesan kapada kanak2 supaya mengemaskan rumah sa-belum menjelang-nya Hari Raya dan serta menolong emak dan ayah bekerja di-rumah.

### SELASA — 12HB OGOS

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG 147
(untok Hari Raya Pertama)
Ranchangan kali ini ada-lah ranchangan khas bagi menyambut Hari Rava Aidil-Fitri. Kanak2 dan Chegu Sa'diah akan membuat aktiviti2 BELON SI-MANIS, MAIN BAKUL, SI-MANIS, KAD HARI RAYA, BERSENAM, MAIN KUDA, BERNYANYI dan di-samping itu juga ranchangan ini akan memasokkan filem kanak2 Berhari Raya di-Hospital Umom Bandar Seri Begawan dan Hospital Suri Seri Begawan Kuala Belait di-mana Chegu Sa'diah akan memberikan hadiah2 Hari Raya kapada pesakit2.
Kanak2 juga akan menekmati jamuan Hari Raya bersama2 Chegu Sa'diah.

### RABU — 13HB OGOS

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG 148
(Hari Raya Kedua)

Ranchangan ini ada-lah khas bagi anak2 yatim dan kanak2 chachat. Chegu Sa'diah akan bersama2 mereka bermain BOLA TUMBOK, BERNYANYI dan menekmati jamuan. Mereka juga akan menerima hadiah2 Hari Raya dari Chegu Sa'diah.

Di-ruangan kad Hari Raya Chegu Sa'diah akan membachakan sa-bahagian kad2 Hari Raya yang di-kirimkan oleh kanak2.

### KHAMIS — 14HB OGOS

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG 149
Ranchangan kali ini di-isikan dengan aktiviti2 saperti HALAMAN BERNYANYI, KAD HARI RAYA, AMINAH dan CHERMIN SAKTI.

Chegu Sa'diah akan bernyanyi sambil berpusing keliling mengikut senikata lagu yang di-mainkan di-ruangan bernyanyi. Chegu Sa'diah juga akan membachakan sa-bahagian kad2 Hari Raya yang di-terima-nya.

### SABTU — 16HB OGOS

**PETANG**

4.30 Di-dalam ranchangan kali ini kanak2 akan dapat menyaksikan aktiviti2 saperti KETUA KESELAMATAN, PEKERJAAN SENDIRI, AMINAH, BOLA TUMBOK, HALAMAN BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.

KETUA KESELAMATAN mengingati kanak2 supaya berhati2 bila membuka payong.

Di-HALAMAN BERCHERITA Chegu Sa'diah akan bercherita berkenaan dengan 'Bangau dan Gagak'.



GAMBAR atas kelihatan Chegu Sa'diah bersama2 dengan kanak2 di-Rumah Sakit Suri Seri Begawan Kuala Belait yang akan dapat awda saksikan dalam ranchangan Kap Kap Udang khas untok Hari Raya.

# LAHIRKAN AHLI2 JIMNASTIK YG DAPAT DI-KETENGAHKAN

GADONG. — Pemangku Pengetua Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, Gadong, Awg Abdul Ghani bin Bujang berharap supaya kejohanan jimnastik antara sekolah2 menengah dan maktab2 di-negeri ini akan dapat melahirkan ahli2 jimnastik yang boleh kita ketengahkan di-pertandingan2 serantau dan di-perengkat antarabangsa.

Awang Abdul Ghani mengharapkan demikian ketika memberikan uchapan alu2an di-pertandingan Jimnastik Perengkat Sa-negeri Antara Sekolah2 Menengah dan Maktab2 yang telah di-adakan di-Dewan Jimnasium Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, Gadong di-sini pada hari Sabtu 5hb Julai yang lalu.

Ini ia-lah kerana, jelas beliau itu lagi, jimnastik ada-lah merupakan salah satu daripada kegiatan2 yang telah di-tetapkan oleh Bahagian Latehan Jasmani Jabatan Pelajaran sa-bagai salah satu daripada aspek2 pendidekan jasmani yang di-salorkan di-beberapa buah sekolah2 menengah dan maktab2 di-negeri ini.

Walau bagaimana pun kata-nya, oleh kerana belum ramai lagi guru2 mampu menjadi guru jimnastik dan pada sa-tengah2-nya ada sekolah2 yang belum mempunyai kemudahan2 dalam bidang sokan itu maka kegiatan jimnastik buat masa ini belum-lah dapat di-perluaskan kapada semua sekolah2 menengah dan maktab2.

Awang Abdul Ghani yang juga selaku Pengerusi Pertandingan Kejohanan Jimnastik Antara Sekolah2 Menengah dan Maktab2 seluroh negeri menjelaskan bahawa kejohanan itu ada-lah merupakan kali pertama di-anjorkan dan semoga ia-nya akan dapat di-salorkan ka-sekolah2 di-seluroh negeri.

"Semoga Awang2 akan mempersembahkan satu persembahan yang sa-baik2-nya demi untok memberi insprasi dan ilham serta galakan yang positif kapada pehak2 tertentu agar jimnastik dapat mereka majukan dengan lebeh bersemangat lagi", ujar Awang Abdul Ghani dengan penoh harapan.

Awang Abdul Ghani juga menguchapkan tahniah kapada pasokan2 yang dapat melayakkan diri ka-perengkat akhir dan juga berharap akan dapat meninggikan mutu jimnastik di-negeri ini.

Sa-orang juruchakap dari Jabatan Pelajaran, Bahagian Pendidekan Jasmani memberitahu kapada Pelita Brunei bahawa tujuan di-adakan kejohanan itu ia-lah untok memberikan murid2 atau penuntut2 satu feadah yang baik untok menyertai sa-barang permainan satu sokan di-samping itu ia-nya juga ada-lah asas bagi penyertaan sokan olimpik jimnastik.

Salah satu tujuan utama kejohanan itu, tambah-nya ia-lah pada melihat sa-jauh mana kebolehan tuboh badan manusia boleh menunjokkan pergerakan2 yang baik.

"Jimnastik olimpik ada-lah sa-jenis sokan di-mana masharakat Tenggara Asia yang di-ketahui mempunyai bentok badan yang kechil akan boleh munchol. Dengan organisasi atau pentadbiran yang berkesan, kemudahan2 yang chukop, chara2 teknik yang baik dan kerajinan, tidak ada sebab mengapa kejayaan itu tidak akan di-chapai", kata juruchakap itu lagi.

BELIA DAN SOKAN





Y.B. Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain menyampaikan hadiah kapada Johan berpasokan (atas) sementara gambar bawah Yang Berhormat itu menyampaikan hadiah kapada johan perseorangan, Awang Salleh bin Omar.

## Maktab SOAS juara jimnastik

GADONG. — Pasokan Jimnastik Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin dari Daerah Brunei dan Muara telah munchol sa-bagai juara jimnastik berpasokan antara sekolah2 menengah dan maktab2 sa-negeri yang telah di-langsongkan di-Dewan Jimnasium Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, Gadong di-sini pada hari Sabtu 5hb Julai yang lalu.

Pasokan Jimnastik Maktab SOAS dalam perengkat akhir itu telah berjaya mengalahkan lima buah sekolah2 menengah dan maktab dengan mendapat markah keseluruhan 86.6 peratus. Sementara naib johan telah jatoh kapada Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah juga dari Daerah Brunei dan Muara dan pemenang ketiga ia-lah Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong.

Dalam bahagian perseorangan pula, johan telah di-sandang oleh Awang Salleh bin Omar dari Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, Gadong dengan mendapat markah 18.6 peratus, kedua ia-lah Awang Muhammad bin Yahya dari Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan/Sekolah Sains, Jalan Muara dengan markah 18.5 peratus dan pemenang ketiga ia-lah Awang Jainny bin Untong wakil dari Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong dengan markah 17.60 peratus.

Kejohanan Jimnastik kali yang pertama itu Jianjorkan bersama antara bahagian Latehan Jasmani, Jabatan Pelajaran dan Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, Gadong. Kejohanan itu telah di-sertai oleh lebeh dari 100 orang ahli2 jimnastik yang mewakili lima buah sekolah Menengah dan Maktab di-seluroh negeri Brunei.

Pasokan2 yang mengambil bahagian ia-lah Maktab Perguruan Sultan Hasanal Bolkiah Gadong; Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan/Sekolah Sains, Jalan Muara dan Sekolah Menengah Melayu Muhammad Jamalul Alam kesemua-nya dari Daerah Brunei dan Muara serta Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim dari Daerah Tutong.

Hadiah2 kapada pemenang2 telah di-sampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Mohd Yusof, Pengarah Kebajikan Belia dan Sokan.

Turut hadhir menyaksikan kejohanan itu termasok-lah Pengarah Pelajaran, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat, Timbalan-nya Awang Abd Razak bin Haji Muhammad serta lain2 pegawai kanan Jabatan Pelajaran dan penuntut2 Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, Gadong.

## Peraduan Hadrah sempena Keputeraan DYMM

BANDAR SERI BEGAWAN. — Peraduan Hadrah sempena sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei kali yang ke-34 tahun akan di-adakan di-Pusat Belia pada 28hb September depan.

Peraduan tersebut terbuka kapada persatuan2 kebajikan, persatuan belia2, kampong2 serta sekolah2 menengah dan maktab di-seluroh negeri.

Ia-nya di-anjorkan oleh Ahli2 Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Keputeraan DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan kali yang ke-34 tahun dan ia-nya di-kendalikan oleh Persatuan Bahtarmu.

Borang2 serta butir2 lanjut mengenai peraduan itu boleh di-perolehi dari sekarang dari Pengiran Petra bin Pengiran Haji Mohammad Yassin di-Pejabat Odit, Bandar Seri Begawan; Awang Ismail bin Karim di-Pejabat Perubatan dan Kesihatan, Kuala Belait; Awg Adanan bin Hj Abu Hanafiah di-Pejabat Letrik Daerah Tutong dan Awang Alim bin Salleh di-Pejabat Tanah, Bangar, Temburong atau daripada Awang Ibrahim bin Aspar di-Pejabat Kerja Raya, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Sa-orang juruchakap dari Persatuan Bahtarmu memberitahu kapada Pelita Brunei minggu lalu bahawa pada tahun lepas peraduan itu hanya di-bukakan kapada pertubohan2 dan kampong sahaja tetapi pada tahun ini ia-nya di-buka kapada sekolah2 menengah dan maktab2 di-negeri ini.

Ini ia-lah kerana, memandangkan yang pada masa ini terdapat-nya pasokan2 hadrah di-kalangan sekolah2 di-negeri yang mana ia-nya di-jangka lebeh banyak kumpolan hadrah yang mewakili sekolah2 menengah dan maktab2 menyertai pertandingan itu nanti.

## *Peraduan Silat dan Kuntau*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jawatankuasa Tadbir Sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei kali yang ke-34 tahun akan menganjorkan satu perlawanan silat dan kuntau bagi perengkat Daerah Brunei dan Muara pada penghujong bulan Ogos ini.

Peraduan tersebut hanya terbuka kapada raayat DYMM yang tinggal di-Daerah Brunei dan Muara sahaja dan ia-nya di-anjorkan sempena Sambutan Hari Keputeraan DYMM kali yang ke34 tahun.

Borang2 serta butir2 lanjut mengenai dengan perlawanan itu boleh di-dapati daripada Setiausaha Jawatankuasa, Awang Zapar bin Shamsuddin di-Pejabat Daerah Brunei dan Muara atau Awang Suhaili bin Haji Apong di-Pejabat Perpindahan di-Bandar Seri Begawan.

Borang2 yang telah di-isikan hendak-lah di-kembalikan kapada nama2 yang berkenaan tidak lewat dari hari Sabtu 23hb Ogos 1980. Dan borang yang lewat dari tarikh pendaftaran tersebut tidak akan di-layan.

Pengerusi Jawatankuasa Peraduan silat dan kuntau perengkat Daerah Brunei dan Muara, Pg Omar bin Pg Sabtu menyatakan bahawa tempat dan waktu mengadakan peraduan itu akan di-umomkan kemudian.

Peraduan itu di-anjorkan ada-lah bagi memileh wakil Daerah Brunei dan Muara ka-peraduan perengkat negeri.

# KERJAYA DALAM PASOKAN AMDB

## ANGGOTA ANGKATAN LAUT



1. Menjalani latehan asas tentera 25 minggu dan akan menerima gaji sa-banyak $433.00 sa-bulan.
2. Di-tempatkan di-kapal2 Angkatan Laut Diraja apabila tamat latehan dengan menerima salah satu daripada dua tangga gaji bergantong kapada kelayakan :
   'B' — $473.00
   'A' — $490.00
   Kedua-dua tangga gaji ini tidak termasok elaun chatuan sa-banyak $162.00 sa-bulan.
3. Di-Angkatan Laut juga mempunyai alat2 sistem senjata yang moden dan dari itu kemahiran dalam bidang letronik dan kejuruteraan untok mengendalikan jentera2 laut amat-lah di-perlukan. Jika awang2 pemuda raayat Kebawah DYMM maka tenaga awang2 amat-lah di-perlukan untok memenohi bidang ini. Ini hanya-lah merupakan salah satu daripada chawangan pekerjaan yang terdapat di-Angkatan Laut. Pembangunan yang pesat dalam pasokan ini ada-lah sa-mata2 bagi awang2 untok mengendalikan-nya.
4. Kenaikan pangkat yang menggalakkan bergantong kapada kemampuan, kebolehan dan kelamaan dalam perkhidmatan.
5. Menerima elaun2, kemudahan2, keistimewaan2 dan kebajikan2 yang lazim di-berikan kapada anggota pasokan saperti elaun menyelam bagi penyelam2 di-dalam pasokan ini.
6. Jika mempunyai kebolehan dan kelayakan yang terkemuka boleh di-sokong untok menjadi pegawai bertauliah dalam pasokan ini.
7. Berhak berpenchen sa-lepas perkhidmatan 15 tahun.



## Pertukangan Jurutera
## Ahli Bomba
## dan Pancharagam

## TENTERA BERJALAN KAKI

1. Menjalani latehan asas tentera 25 minggu dan menerima gaji penoh $433.00.
2. Di-tempatkan di-kompeni2 dalam battalion apabila tamat latehan dengan gaji pokok $473.00 tidak termasok elaun chatuan $162.00.
3. Di-berikan kursus2 tempatan dan luar negeri dalam bidang infantri mengikut kebolehan, kelamaan dan pangkat.
4. Kenaikan pangkat yang menggalakkan bergantong kapada kemampuan, kebolehan dan kelamaan perkhidmatan.
5. Menerima elaun2, kemudahan2, keistimewaan2 dan kebajikan2 yang lazim di-berikan kapada anggota2 pasokan.
6. Jika mempunyai kebolehan dan kelayakan yang terkemuka boleh di-sokong untok menjadi pegawai yang bertauliah.
7. Berhak berpenchen sa-lepas perkhidmatan 15 tahun.



### SHARAT2 KEMASOKAN

1. Raayat Kebawah DYMM dan ter-golong daripada salah satu dari tujoh puak jati Melayu: Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut dan Tutong.
2. Pemohon2 yang menjadi Warga-negara Brunei yang tidak tergolong kapada salah satu daripada tujoh puak jati Melayu yang berugama Islam dan mengamalkan adat resam orang2 Melayu Brunei ada-lah ber-hak menjadi pemohon2 yang meme-nohi sharat2 kemasokan.
3. Bujang atau kahwin.
4. Berbadan sehat.
5. Berumor 17½-25 tahun.
6. Tinggi tidak kurang daripada 5 kaki 1 inchi.
7. Berat badan tidak kurang daripada 105 paun.
8. Sa-rendah2-nya Darjah Enam Melayu atau Primary Enam Inggeris. Kelulusan yang lebeh tinggi ada-lah sangat di-alu-alukan.

Sa-banyak lapan Pusat2 Pengambilan akan di-adakan di-ke-empat2 daerah saperti yang di-umomkan melalui radio dan talivishen. Latehan bagi pengambil-an yang akan datang ia-lah pada 1hb September, 1980.

Datang-lah ka-alamat di-bawah untok mendapatkan maklumat lanjut. Dan jika awang berminat isikan-lah borang yang di-sediakan dan hantarkan kapada :

PEJABAT PENGAMBILAN PASOKAN
ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI
BOLKIAH KEM,
BRUNEI

Talipon 30531 sambongan 01 atau 02.

### ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI KERJAYA SA-BAGAI TENTERA BERJALAN KAKI/ANGGOTA ANGKATAN LAUT

Nama : ....................

No. Kad Pengenalan : .................... Warna : ....................

Tarikh lahir : .................... Tempat lahir : ....................

Alamat : ....................

....................

Nama Warith : ....................

Hubongan : ....................No. Kad Pengenalan : ....................

Alamat Warith : ....................

Nama Sekolah : ....................

Tingkatan : ....................

Kelulusan : ....................

Kerjaya yang di-pileh : ....................

No. Talipon : ....................

Tarikh : .................... ....................
Tanda Tangan

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-JABATAN HAL EHWAL UGAMA, BRUNEI

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

1. PENTERJEMAH ARAB:

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor tidak kurang dari 25 tahun dan mempunyai kelulusan Kelas Khas (Takhassus) dari Sekolah Arab Al-Juned, Singapura atau yang sebanding dengan-nya.

b) Mempunyai pengetahuan dalam bidang terjemahan (Arab/Melayu/Arab) tidak kurang dari 5 tahun.

c) Mempunyai kebolehan menaip bahasa Arab.

**Tangga Gaji:**
C.2 EB.3 — $1071-1109-1148-1186-1224-1275-1326-1377-1428/EB/1479-1530-1581-1632-1683. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

2. KERANI BAHASA ARAB:

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Chalon2 mesti-lah sudah menchapai umor 18 tahun;

b) Sekurang2-nya lulus Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengan-nya;

c) Mengetahui Bahasa Arab dengan baik dan mempunyai Ilmu Pengetahuan Ugama;

d) Boleh menaip huruf2 Jawi dan Arab dengan baik-nya; dan

e) Chalon2 yang tidak mempunyai (b) di-atas tetapi ia mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang luas dalam perkara (c) dan (d), maka permohonan-nya akan dapat di-pertimbangkan.

**Tangga Gaji:**
D. 1-2-3 EB. 4-5 — $370-383-395-408-421-434-446-465-485-504-523-542-561-625-657-689-720-752-784/EB/854-880-905-931-956-982-1007-1046-1071-1097-1122. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 20hb September, 1980.

(E/1569/76)

(Bil: 99/1980)

## Sa-bagai Jurutrengkas Melayu

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Jurutreng kas Melayu di-dalam Perkhidmatan2 Kerajaan, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengan-nya. Lulus pepereksaan Trengkas dan Menaip Perengkat Tertinggi.

**Tangga Gaji:**
D. 3 EB. 4-5 — $625-657-689-720-752-784/EB/854-880-905-931-956-982-1007-1046-1071-1097-1122. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Suiit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 13hb September, 1980.

(E/446/59)
(Bil: 101/1980)

## B.S.P. TENDER NOTICE NO. 13/80

Item 1. One lot of Drilling Items.
Approx. (a) 85 Pc. 5" Drill Pipe Protectors.
(b) 132 Pc. 5½" BJ C/Protectors s/on.
(c) 1 Pc. Pin Remover.
(d) 149 Pc. Vetco "L" O-Ring.
(e) 7 Pc. Rubber Packing.
(f) 24 Pc. Launching Ball.
(g) 20 Pc. Connector.

Item 2. One lot of Drilling Items.
Approx. (a) 10 Pc. 5' Perforated Tube.
(b) 227 Pc. 5" x 6" Control Line Protectors.
(c) 26 Pc. 20" Wooden Top Plug.
(d) 2 Pc. 20" Rubber Top Plug.
(e) 5 Pc. 20" SSR Plug.
(f) 13 Pc. 20" Cement Baffle Collar.

Item 3. One lot of Drilling Items.
Approx. (a) 7 Pc. 4½" EU x 3½" A9.5, x-over.
6 Pc. 3½" LTC x 3½" A9.5, x-over.
5 Pc. 5½" BTC x 2⅞" A9.5, x-over.
(b) 72 Pc. 20" x 23" Centralizers.
18 Pc. 20" x 26" Centralizers.
8 Pc. 20' x 32' Centralizers.

Item 4. One lot of Drilling Items.
Approx. (a) 70 Pc. 7"BTC x 26" Long, Box/Pin.
(b) 7 Pc. 20" STC Coupling.
2 Pc. 20" LTC Coupling.
253 Pc. 7" K55 Coupling.

Item 5. One lot of Pup Joints.
Approx. (a) 20 Pc. 3½" x 2'.
8 Pc. 3½" x 3'.
47 Pc. 3½" x 5'.
5 Pc. 3½" x 15'.
(b) 3 Pc. 3½" x 2'.
5 Pc. 3½" x 3'.
1 Pc. 3½" x 6'.
1 Pc. 3½" x 12'.
2 Pc. 3½" x 20'.
9 Pc. 4½" x 6'.
(c) 33 Pc. 3½" x 1'.
6 Pc. 3½" x 2'.
21 Pc. 3½" x 6'.
2 Pc. 3½" x 10'.
16 Pc. 3½" x 15'.

Item 6. One lot of Furnace Tubes.
Approx. (a) 55 Pc. 2⅞" x 14'.
6 Pc. 2⅞" x 17'.

Note: Item 1 and 2 can be viewed at SSU/243 (Warehouse No. 1).
Item 3, 4, 5 and 6 can be viewed at SSU/242 (Main Yard).

### TERMS OF TENDERING

1. Tenders shall be deemed to be irrevocable and open for acceptance by the Company for a period of 14 days from the closing date.
2. All tenderers should enclose a copy of their Bankers letter stating that the amount he is bidding could be paid within 10 days after the receipt of the COMPANY's written notice.
3. The items to be sold are sold on an 'as is' 'where is' basis and the successful tenderer must: —
   a) pay to the COMPANY the total sum tendered for within 10 calendar days after receipt of a COMPANY's written notice.
   b) remove the materials entirely at his own expense within 4 working days otherwise the COMPANY will treat this tender as null and void, and or charge rent at the rate B$500.00 per day.
4. The COMPANY further reserves the right: —
   d) To refuse to accept any or all tenders submitted, and
   e) To withdraw any or all the items before acceptance of any tenderer's offer.
5. The COMPANY accepts no liability whatsoever for the sale of the above materials/equipment, which is sold subject to faults and defects, if any, and without any condition or warranty as to the quality and fitness for purpose required or otherwise. A letter of indemnity signed by the purchaser will be required by the COMPANY before release of goods.
6. In most cases the items to be sold may be viewed on any working day on application to: —
   Supplies Department/Disposal Section,
   B.S.P. Co. Ltd., Seria.
   (SSU/15, Tel. No. 536 or 403 NIA)
7. The closing date for receipt of Tenders shall be 8.00 a.m. on 18th August, 1980. Tenders should be addressed in sealed envelopes to: —
   The Supplies Superintendent — SSU
   B.S.P. Co. Ltd.,
   Seria, State of Brunei,
   Endorsed: "Tender Notice No. 13/80"
8. The submission of a tender shall be deemed to constitute acceptance by the Tenderers of all the terms of tendering set out herein.

## Penterjemah Kanan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang mempunyai kelayakan yang sesuai untok memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Penterjemah Kanan di-dalam Perkhidmatan Kerajaan Brunei, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Lulus pepereksaan Sijil 'Am Pelajaran Brunei (Perengkat Biasa) dalam tiga mata-pelajaran (termasok bahasa Inggeris dan Melayu) atau Sijil Persekolahan dengan mendapat kepujian dalam bahasa Inggeris dan Melayu.

b) Mempunyai pengalaman sekurang2-nya sa-lama 5 tahun dalam kerja2 menterjemah.

c) Boleh membacha dan menulis Jawi.

**Gaji:**
Dalam sukatan gaji C.2 EB.3 — $1071-1109-1148-1186-1224-1275-1326-1377-1428/EB/1479-1530-1581-1632-1683. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan:**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 23hb Ogos, 1980.

(E/6/79)
(Bil: 92/1980)

## B.S.P. TENDER NOTICE NO. 12/80

Item 1. One Unit Baylor Elmagco Standard Eddy Current Brake
Type: 6032.

Item 2. One Unit Land Rover LWB 109" Pickup.

Item 3. One Unit American Hoist Crane
Type: R203, Model: 280.

Item 4. One Unit Supply Boat "KELAWAR".

Note: Above items can be viewed at the following places: —

| | | | |
|---|---|---|---|
| Item 1. | SSU/3 | (Movables Section) | Tel. 310 NIA. |
| Item 2. | SSU/3 | (Movables Section) | Tel. 310 NIA. |
| Item 3. | ECO/42 | | Tel. 255 SKB. |
| Item 4. | SMR/21 | | Tel. 291 SKB. |

### TERMS OF TENDERING

1. Tenders shall be deemed to be irrevocable and open for acceptance by the Company for a period of 14 days from the closing date.
2. All tenderers should enclose a copy of their Bankers letter stating that the amount he is bidding could be paid within 10 days after the receipt of the COMPANY's written notice.
3. The items to be sold are sold on an 'as is' 'where is' basis and the successful tenderer must: —
   a) pay to the COMPANY the total sum tendered for within 10 calendar days after receipt of the COMPANY's written notice.
   b) remove the materials entirely at his own expense with 4 working days otherwise the COMPANY will treat this tender null and void, and or charge rent at the rate B$500.00 per day.
4. The COMPANY further reserves the right: —
   a) To refuse to accept any or all tenders submitted, and
   b) To withdraw any or all the items before acceptance of any tenderer's offer.
5. The COMPANY accepts no liability whatsoever for the sale of the above materials/equipment, which is sold subject to faults and defects, if any, and without any condition or warranty as to the quality and fitness for purpose required or otherwise. A letter of indemnity signed by the purchaser will be required by the COMPANY before release of goods.
6. In most cases the items to be sold may be viewed on any working day on application to: —
   Supplies Department/Disposal Section,
   B.S.P. Co. Ltd., Seria.
   (SSU/15, Tel. No. 536 or 403 NIA)
7. The closing date for receipt of Tenders shall be 8.00 a.m. on 18th August, 1980. Tenders should be addressed in sealed envelopes to: —
   The Chairman,
   Local Contracts Board,
   B.S.P. Co. Ltd.,
   Seria, State of Brunei,
   Endorsed: "Tender Notice No. 12/80"
8. The submission of a tender shall be deemed to constitute acceptance by the Tenderers of all the terms of tendering set out herein.

## KENYATAAN PENGAWAL KASTAM DAN EKSAIS, BRUNEI

### NEGERI BRUNEI

KENYATAAN yang berikut daripada Pengawal Kastam dan Eksais, Brunei ada-lah di-siarkan untok pengetahuan umom.

### UNDANG2 KASTAM 1954

Bahawasa-nya barang2 yang di-sebutkan dalam Jadual di-bawah ini telah berada di-Gudang2 Kastam saperti di-nyatakan di-bawah sa-lama lebeh enam bulan dan belum lagi di-ambil keluar dalam tempoh yang di-sebutkan dalam cheraian (2) atau (3) dari Bab 67 Undang2 Kastam 1954 dan sewa gudang telah tidak di-bayar mengikut chara yang di-tentukan oleh Bab 65 dari Undang2 tersebut dan notis ini ada-lah dengan ini di-beri bahawa barang2 tersebut akan di-jual dengan chara lelong kapada orang ramai pada satu tarikh dan di-satu tempat yang akan di-nyatakan sa-lepas tamat tempoh empoh belas hari dari tarikh di-siarkan notis ini.

### STATE OF BRUNEI

THE following notification from the Controller of Customs and Excise, Brunei is published for general information.

### CUSTOMS ENACTMENT 1954

Whereas the goods described in the Schedule here under have been lying in the Customs Godown as stated below for a period of more than six months and have been declared within the time specified in the subsection (2) or (3) of Section 67 of Customs Enactment 1954, and the warehouse rent have not been paid in the manner provided by section 65 of the said Enactment. Notice is hereby given that the said goods will be sold by public auction on the date and at a place to be notified after the expiry of fourteen days from the date publication of this notice.

### JADUAL/SCHEDULE

| Quantity and Type of Goods | | Name of Importer of Marking |
|---|---|---|
| 40 cases | Hille Brand Polypopylene (2,000 pcs) Stacking Chairs | Maya Market Co., (M.M.C.) P. O. Box 1815, Bandar Seri Begawan. |
| 2 cases | Formica Top For (600 pcs) Student Chairs | Maya Market Co., (M.M.C.) P. O. Box 1815, Bandar Seri Begawan. |
| 30 cases | Polypropylene Stacking Chairs | Maya Market Co., (M.M.C.) P. O. Box 1815, Bandar Seri Begawan. |
| 70 cartons | Car Beer | — |
| 80 cartons | Ginness Stout | — |
| 20 cartons | Beer (Bottles) | — |
| 10 cartons | Car Logan | — |
| 3 cartons | Lunch Meat | — |
| 4 cartons | Aji No-Moto | — |

# BONUS AKAN DI-BAYAR TIAP2 SA-LEPAS AKHIR TAHUN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu bayaran "Bonus Gaji" akan mula di-perkenalkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan akan mula di-bayar bagi perkhidmatan sepanjang tahun ini ia-itu mulai 1hb Januari.

Bonus itu akan di-keluarkan kapada semua pekerja2 Kerajaan dalam Bahagian II dan kebawah ia-itu mereka yang dalam perkhidmatan tetap, berkontrek, sa-bulan ka-sa-bulan, open vote dan bergaji hari.

Orang2 yang dalam Bahagian II akan di-bayar sa-bulan gaji pokok bagi tiap2 sa-tahun perkhidmatan, sementara mereka yang dalam bahagian III dan kebawah akan di-bayar 1½ bulan gaji pokok bagi tiap2 sa-tahun perkhidmatan.

Bagi pekerja2 yang bergaji hari, akan di-bayar satu bonus 1½ kali gaji pokok mereka berdasarkan atas 26 hari sa-bulan. Dalam semua hal, alaon2 tidak termasok.

Bonus akan di-bayar sa-lepas akhir tiap2 satu tahun kalendar terkechuali dalam hal2 di-mana pekerja itu menyelesaikan perkhidmatan semasa dalam tahun itu bilamana bonus itu akan di-bayar pada selesai-nya perkhidmatan.

Bonus akan di-kira mengikut lama perkhidmatan dalam hal2 di-mana perkhidmatan itu kurang dari 12 bulan dan tidak akan di-bayar dalam hal2 berhenti berkhidmat atau pembuangan daripada perkhidmatan.

## Alaon pelajaran juga di-naikkan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Untok meringankan bebanan para ibubapa yang menghantar anak2 mereka belajar di-sekolah2 yang di-kenakan bayaran di-dalam atau pun di-luar negeri, satu perubahan telah di-buat terhadap alaon pelajaran yang di-berikan kapada mereka yang berhak menerimanya berikutan perubahan gaji dan bayaran alaon kakitangan kerajaan yang di-umomkan baru2 ini.

Mengikut surat keliling yang di-edarkan oleh Pejabat Setia Usaha Kerajaan, pegawai2 kerajaan di-dalam perkhidmatan tetap dan pegawai berkontrek yang menerima gaji pujokan dan lain2 pegawai berkontrek dalam Kumpolan II ka-atas berhak menerima $600 sa-bulan bagi sa-orang anak mereka yang tinggal di-asrama2 sekolah di-luar negeri.

Kadar maxima yang boleh di-bayar kapada semua pegawai2 yang berkontrek yang lain ada-lah $300 sa-bulan bagi sa-orang anak. Alaon pelajaran yang di-berikan ini chuma di-beri kapada ibubapa2 yang mempunyai bilangan anak dari satu hingga empat orang yang menuntut di-luar negeri.

Kakitangan yang mempunyai anak2 yang menghadhiri sekolah waktu siang hari di-luar negeri yang sebelum-nya menerima $150 kini berhak mendapat $300 dan mereka yang sebelum-nya menerima $95 kini menerima $190.

Bagi mereka yang menghantarkan anak2 mereka ka-sekolah harian di-Brunei yang mengenakan bayaran, mereka kini berhak menerima alaon pelajaran sa-banyak $90 berbanding dengan $75 sa-belum-nya.

Alaon2 pelajaran ini walau bagaimana pun chuma di-berikan kapada ibubapa yang anak2 mereka berumor di-antara lima hingga 12 tahun, tetapi ia-nya boleh di-bayar hingga ka-umor 17 tahun jika anak itu tidak dapat memasoki sa-barang sekolah Kerajaan di-sebabkan kekurangan tempat dalam darjah yang tertentu di-sekolah2 yang berkenaan.

## Alaon gangguan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bayaran alaon2 gangguan bagi pegawai2 dan kakitangan kerajaan juga telah di-naikkan berikutan dengan perubahan gaji dan alaon yang telah di-umomkan baru2 ini.

Kadar bayaran tersebut ia-lah pada tiap2 masa dalam mana sa-orang pegawai di-tukar tetap dari satu tempat ka-satu tempat.

Menurut kadar alaon yang baru itu, pegawai2 dalam bahagian I dan II akan di-bayar sa-banyak $300.00; $225.00 bagi pegawai dalam bahagian III; pegawai dalam bahagian IV pula akan di-bayar sa-banyak $190.00 dan pegawai dalam bahagian V akan menerima bayaran $130.00.

Dari muka 1

Tambahan baru dalam perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan ini juga di-lakukan dengan mengadakan Alaon2 "M" Khas Tanpa Berpenchen yang akan di-bayar kapada mereka dalam tangga2 gaji tertentu ia-itu yang berdaftar sa-bagai pakar2 mengikut penerangan2 yang akan di-keluarkan berasingan.

## Takat gaji pemegang2 ijazah di-tentukan

BANDAR SERI BEGAWAN.—Pemegang2 ijazah universiti yang di-akui apabila di-lantek ka-jawatan2 Bahagian II ia-itu B2 atau B2 EB3 akan menerima gaji2 permulaan menurut lulusan masing2.

Pemegang Ph.D Doctorate akan menerima gaji permulaan sa-banyak $2,690; pemegang Ijazah Sarjana sa-banyak $2,445; pemegang Ijazah Kepujian sa-banyak $2,285; dan pemegang Ijazah Lulus sa-banyak $2,125.

Pegawai2 yang telah lulus pepereksaan akhir badan2 pepereksaan perakaunan yang di-iktiraf saperti yang di-nyatakan di-dalam Surat Keliling SUK Bil: 33/1975 akan di-tempatkan pada tangga gaji B2-3 apabila di-lantek ia-itu pada sukatan gaji yang sama saperti sa-orang pemegang Ijazah Lulus.

Apabila di-terima menjadi ahli bersekutu badan2 professional yang berkenaan, sa-orang pegawai itu akan di-beri satu kenaikan gaji tambahan mulai dari tarikh ia di-terima masok dan tarikh kenaikan gaji-nya yang asal ada-lah tidak berubah.



TAPAK bagi projek tersebut telah pun di-bersehkan dan kerja2 perengkat awal telah pun di-mulakan saperti dalam gambar atas.

## Rumah Kebajikan siap tahun depan

Oleh : SHADOON LAMZI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Brunei akan mempunyai sa-buah Rumah Kebajikan-nya yang pertama apabila kerja2 ka-atas projek tersebut siap dalam bulan Disember tahun depan.

Projek yang menelan belanja $6.9 juta itu kini sedang di-selenggarakan di-sebuah tapak sa-luas 10 ekar di-Kampong Pulaie Jalan Kebangsaan kira2 lima batu dari sini.

Projek ini ada-lah salah satu langkah Kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan untok memberikan bantuan dan bimbingan akhlak kapada kanak2 nakal di-negeri ini.

Salah sa-orang Pegawai Kebajikan, di-Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan, Dayang Zaleha bte Haji Mohiddin memberitahu PELITA pada minggu lalu bahawa Rumah Kebajikan itu tujuan utama-nya ia-lah untok membentok mental dan moral sa-seorang kanak-kanak nakal.

Di-tanya mengenai bentok bangunan yang terdapat dalam projek itu, Dy Zaleha menjelaskan projek tersebut mengandongi bilek2 penempatan bagi kanak2 yang menunggu perbicharaan (remand homes) yang boleh menampong 40 orang lelaki dan perempuan, rumah penempatan terbuka (open homes) untok 60 orang, sa-buah surau, sa-buah sekolah yang mengandongi enam buah bilek darjah serta sa-buah kelinik. Penghuni lelaki dan perempuan, akan di-tempatkan dalam bangunan yang berasingan.

Pada masa ini kanak-kanak nakal yang di-dapati salah oleh mahkamah di-kenakan hukoman penjara dalam tempoh masa yang tertentu atau pun di-bebaskan dengan jaminan supaya ber-kelakuan baik dengan sharat mereka melaporkan diri ka-balai2 pulis yang berdekatan sekali atau dua kali dalam sa-hari sa-lama beberapa bulan.

Kanak2 lelaki dan perempuan di-pusat itu akan di-berikan pelajaran, mengikuti latehan2 praktikal di-bengkel dan mereka juga berpeluang membuat aktibiti2 sokan di-sebuah dewan gerak badan yang juga akan di-bena dalam projek tersebut.

"Kami juga akan memberikan kemudahan2 penginapan sementara kapada orang2 chachat, saperti orang2 buta. Sa-buah bangunan lain untok orang2 chachat itu akan di-bena di-masa yang akan datang", jelas Dayang Zaleha.

## Yunit Latehan anjorkan tiga kursus bulan ini

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yunit Latehan, Jabatan Perjawatan akan mengendalikan dua kursus yang berasingan dalam bulan Ogos ini. Kursus2 tersebut ia-lah Seminar Kepner (Tregoe) dan Kursus Kemahiran Kepimpinan (Leadership Skills Course).

Seminar Kepner akan di-adakan di-Pusat Latehan, Jabatan Perjawatan sa-lama 5 hari bermula pada 18hb Ogos hingga 22hb Ogos, 1980. Kursus yang akan menitek-beratkan Penganalisaan Masa-alah dan Chara2 Membuat Keputusan ini.

Cheramah dalam kursus tersebut akan di-sampaikan oleh Timbalan Pengarah Perjawatan, Awg Hj Jaya bin Abdul Latif. Ini ada-lah seminar yang julong2 kali di-adakan sekembali-nya dari mengikuti kursus di-Australia.

Kursus Kemahiran Kepimpinan pula akan di-adakan di-Bilek Kuliah Muzium Peringatan Churchill sa-lama dua hari bermula pada 20hb Ogos, 1980. Kursus ini akan menitek-beratkan beberapa perkara yang sentiasa di-perdapat dalam pentadbiran sa-hari2.

Pencheramah dalam kursus ini ia-lah sa-orang pakar Perunding dalam bidang pengurusan, Awang John D. Brian yang di-undang khas untok menyelenggarakan kursus ini.

Sementara itu, Kursus Pengurusan Sektor Awam (Public Sector Management Course) kini sedang di-adakan di-Pusat Latehan, Jabatan Perjawatan.

Kursus yang pertama kali-nya pernah di-adakan oleh Yunit Latehan ini, antara lain menitek-beratkan kapada beberapa perkara yang sentiasa di-perdapat dalam pengurusan pentadbiran sa-hari2.

Cheramah dalam kursus di-sampaikan oleh sa-orang Pakar Akedemik dalam bidang Pengurusan Sektor Awam dan Pensharah Kanan Aston University di-Birmingham, Awg David Gregory.

***BERKUNJONG-LAH KA-EXPO PERTANIAN 1980 DI-STESHEN PERTANIAN KILANAS, BATU 10 JALAN TUTONG, PADA HARI AHAD 31HB. OGOS, 1980.***

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.